

**DEWAN MAJLIS****Selasa, 6 Jamadilakhir 1437 / 15 Mac 2016****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.

**(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

## **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.00 pagi**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini iaitu hari yang kelapan, hari Selasa, 6 Jamadilawal 1437 bersamaan 15 Mac 2016 didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya dan kurnia-Nya jua maka kita dapat bersama-sama hadir di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan

Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara ini. Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kaum kerabat para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman. Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari ini Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah memasuki hari yang kelapan.

Seperti lazimnya, sebelum kita mendahului perkara-perkara lain, kita akan membincangkan dulu Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis. Sehingga ke hari ini, kita telah menyelesaikan sebanyak 22 soalan bagi jawapan lisan. Pada pagi ini kita akan terus saja pindah ke soalan yang seterusnya bagi Perkara V, Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan Yang Telah Diberi Notis No. 20 daripada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola mengusulkan soalan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kerajaan telah menggubal Akta

Perlindungan Binatang Liar, 1978 (Pindaan 1984) dan Perintah Fauna dan Flora Liar, 2007 bagi mencegah kepupusan hidupan liar, fauna dan flora liar supaya tidak pupus di negara ini akibat dari pemburuan, penangkapan, pembalakan, pengambilan dan penebang haram. Ini termasuklah pencegahan, penjualan dan penangkapan ikan yu serta pemeliharaan takat-takat di perairan negara ini.

Dalam melaksanakan penguatkuasaan tegahan-tegahan ini, beberapa program telah diaturkan oleh Perkhidmatan Aduan Gangguan Hidupan Liar dan Perkhidmatan Menyelamat dan Merawat Hidupan Liar seperti rondaan dan pemantauan di darat, sungai, laut dan udara, jerayawara ke mukim-mukim dan sekolah-sekolah bagi meningkatkan kesedaran semua.

Saya juga difahamkan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah dianggap sebagai "Role Model" oleh *Freeland Foundation* yang menjadikan *consultant* kepada **ASEAN-WEN** dalam melaksanakan perlindungan spesis yang dilindungi.

Untuk mengukuhkan lagi usaha-usaha dan anggapan yang baik dari agensi-agensi antarabangsa saya ingin bertanya:-

1. Adakah dalam perancangan Bahagian Hidupan Liar untuk menjalankan penyelidikan mengenai populasi hidupan liar di negara ini bagi menentukan jumlah yang ada

dan dapat mengetahui jumlah kepupusannya?;

2. Adakah pegawai-pegawai yang ada pada masa ini mencukupi, terlatih dan boleh menjalankan tugas-tugas yang dikehendaki oleh akta dan perintah yang dinyatakan di atas? Jika tidak apakah langkah-langkah pihak berkenaan untuk memperkesan lagi dalam usaha seperti menyelamat, merawat, menangkap dan membuat kajian hidupan liar?;
3. Apakah jenis spesis hidupan liar yang belum lagi termasuk dalam senarai Akta Kawalan Perlindungan Hidupan Liar dan adakah ia akan dimasukkan pada masa akan datang?; dan
4. Adakah perancangan kementerian ini untuk bekerjasama dengan Jabatan Kurikulum, Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan lagi kesedaran dalam Perlindungan Kehidupan Binatang Liar dengan memasukkan dalam sukan pelajaran Melayu Islam Beraja?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

#### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima

kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, atas soalan berkenaan mengenai perlindungan binatang-binatang liar di Negara Brunei Darussalam.

Soalan pertama, mengenai perancangan Bahagian Hidupan Liar. Sememangnya Bahagian Hidupan Liar mempunyai perancangan untuk menjalankan penyelidikan ke atas populasi dan taburan (*distribution*) beberapa spesis secara *selective* di negara ini. Walau bagaimanapun, pada masa ini kajian dan penyelidikan populasi hidupan liar di negara ini, belumlah dibuat dan bukanlah menjadi satu keutamaan untuk dilaksanakan dalam waktu yang terdekat ini. Namun begitu, tumpuan utama adalah dari segi penguatkuasaan ke atas aktiviti-aktiviti pemburuan dan penjualan binatang liar khususnya 34 *protected* spesis serta program *rescue* dan *realese* spesis berkenaan agar tidak diancam kepupusan.

Di samping itu, inisiatif yang seringkali dijalankan bagi mendukung usaha tersebut adalah melalui program pendidikan dan kesedaran awam yang dijalankan dari semasa ke semasa. Dengan adanya program ini, setiap lapisan masyarakat akan dapat melaksanakan tanggungjawab sosial mereka dengan memberikan kerjasama untuk menjaga dan memelihara kestabilan sumber hutan dan alam semula jadi yang merupakan habitat bagi pelbagai spesis fauna dan flora liar dari kegiatan-kegiatan yang boleh mengancam kepupusan sesuatu spesis berkenaan.

Selanjutnya, soalan kedua adakah pegawai-pegawai yang ada pada masa ini mencukupi serta terlatih? Pada masa ini, bilangan pegawai dan kakitangan di Bahagian Hidupan Liar tidak mencukupi. Secara keseluruhannya bahagian ini hanya mempunyai 13 orang pegawai dan kakitangan sahaja. Pegawai-pegawai dan kakitangan berkenaan secara amnya masih lagi kekurangan pengalaman dan perlu **diberikan latihan-latihan** yang bersesuaian secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran masing-masing dengan mengikuti latihan-latihan yang dijalankan di dalam dan di luar negara.

Walau bagaimanapun, kapasiti yang terhad ini bukanlah menjadi satu alasan untuk Bahagian Hidupan Liar tidak menjalankan tugas dan peranannya dengan berkesan. Beberapa aktiviti yang dilaksanakan oleh bahagian ini seperti membuat rondaan dan sebagainya bukan sahaja dilaksanakan secara persendirian oleh Bahagian Hidupan Liar tetapi dari semasa ke semasa dijalankan secara bersepada dan melibatkan kerjasama dengan agensi-agensi yang lainnya seperti pihak Pasukan Polis Diraja Brunei, Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Daerah, Jabatan Bandaran dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Bagi Soalan No. 3, apakah jenis spesis hidupan liar yang belum lagi termasuk dalam senarai Akta Kawalan Perlindungan Binatang Liar?

Pada masa ini, hanya terdapat 34 spesis binatang liar yang disenaraikan dalam Jadual 1 sebagai *protected species* dalam Akta Kawalan Perlindungan Binatang Liar 1978. Beberapa spesis binatang liar tempatan yang belum lagi dimasukkan ke dalam senarai tersebut termasuklah beruang madu, tenggiling, musang, payau dan beberapa jenis burung seperti bayan, murai batu dan lain-lain.

Dalam cadangan pindaan ke atas Akta yang sedia ada yang pada masa ini sedang dalam proses penyediaan dengan bantuan pihak Pejabat Peguam Negara, beberapa penambahan senarai spesis binatang liar telah dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam Akta tersebut khususnya dengan menambah beberapa spesis tempatan yang tersenarai dalam *International Union for Conservation of Nature (IUCN) Red List of Threatened Species* dan *Convention on International Trade in Endangered Species (CITES) of Wild Fauna and Flora*, termasuklah senarai binatang liar yang disebutkan tadi sesuai dengan perkembangan semasa status berkenaan di peringkat global.

Soalan seterusnya mengenai perancangan kementerian untuk bekerjasama dengan Jabatan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Ketika ini belum ada perancangan kementerian untuk memasukkan Perlindungan Hidupan Liar dalam sukatan mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) ataupun dalam mata pelajaran lain yang lebih bersesuaian

seperti Sains, Geografi atau Pengetahuan Am. Pihak kementerian ini bersedia untuk memberikan kerjasama jika terdapat sebarang keperluan mengenainya.

Dalam hubungan ini juga, sukacita memaklumkan bahawa Bahagian Hidupan Liar seringkali mengadakan beberapa siri program jerayawara yang berupa pendidikan dan kesedaran awam bagi peringkat sekolah rendah sehingga peringkat menengah bagi sama-sama melindungi dan memelihara kepelbagaiannya spesis binatang liar yang ada sebagai salah satu khazanah dan aset negara.

Sekian sahaja jawapan kaola, Yang Berhormat Yang Di-Pertua, terima kasih.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan No. 22 daripada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Alhamdulillahi

Rabbil'alamin Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Anbiya Walmursalin Sayyidina Muhammaddin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola akan mengutarakan soalan kaola

kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Dalam usaha kerajaan untuk mencapai sasaran sara diri (*self-sufficiency*) bagi pengeluaran beras negara, pihak yang berkenaan hendaklah memikirkan pengeluaran secara komersial dan langkah-langkah atau cara-cara yang terbaik hendaklah dicari iaitu dengan menggunakan teknologi penanaman padi secara moden seperti menggunakan mesin penyemai, penggerek, penanam, pembajak dan pengering padi.

Daerah Temburong adalah pengeluar hasil padi kedua terbesar besar di negara ini dengan mempunyai seramai lebih dari 200 pengusaha padi dan sudah mencapai lebih 30 tahun dalam perusahaan ini. Untuk meningkatkan lagi hasil dari penanaman padi ini mereka memerlukan bantuan bukan saja dari segi insentif seperti baja, racun rumpai, racun penyakit dan racun serangga serta menaikkan taraf jalan ke ladang, parit dan sistem tali air yang masih lagi berkurangan, tetapi juga bantuan teknologi penanaman secara moden seperti penggunaan mesin dan lain-lain yang ada hubung kaitnya dengan perusahaan padi perlu diadakan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
Ke arah ini kaola bertanya:-

- Apakah usaha-usaha pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan

Pertanian dan Agrimakanan untuk mengatasi dan menangani, dalam menambah lagi hasil pengeluaran padi?;

- Kenapakah mesin-mesin penanaman padi belum lagi diperkenalkan dan dibuat ujian akan kesesuaianya di ladang-ladang padi di Daerah Temburong?; dan
- Apakah status bantuan keperluan yang sudah diberikan oleh pihak berkenaan sejauh ini kepada peladang-peladang di Daerah Temburong dalam menangani kekurangan-kekurangan seperti yang kaola nyatakan?

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

#### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad kerana mengajukan pertanyaan-pertanyaan berkenaan aktiviti berpadi di Daerah Temburong.

**Apakah usaha-usaha** pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengatasi dan menangani penambahan hasil pengeluaran padi di Daerah Temburong?

Memang ada usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk mengatasi dan menangani dalam menambah lagi hasil pengeluaran padi di Daerah Temburong. Antara usaha yang telah dijalankan untuk meningkatkan lagi pengeluaran padi di kawasan-kawasan tadahan hujan (*rain pad*) di ladang-ladang padi di Daerah Temburong termasuklah:-

1. Menyediakan insentif-insentif bahan pertanian termasuk baja, racun, mesin dan jentera serta skim bantuan harga padi bagi padi pusu, bario, adan dan laila;
2. Menganjurkan kursus sekolah perlادangan pengusaha padi untuk meningkatkan pengetahuan pengusaha-pengusaha dalam pengurusan tanaman yang efektif dan menyumbang kepada peningkatan kuantiti dan kualiti hasil; dan
3. Menjalankan kajian kesesuaian baka-baka padi baharu di kawasan tadahan hujan untuk mengenal pasti jenis-jenis padi berhasil tinggi yang sesuai untuk ditanam di kawasan yang hanya bergantung pada air hujan.

Pada masa ini, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah menjalankan kajian kesesuaian baka *BDR5* selama beberapa musim di Ladang Lekiu, Daerah Temburong, Ladang KKP Lot Sengkuang Satu Gatas di Daerah Belait.

Setakat ini prestasi baka *BDR5* di kawasan-kawasan tersebut menunjukkan potensi yang sangat tinggi. Baka *BDR5* ini merupakan salah satu baka yang dihasilkan di bawah Program Pendidikan Padi yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Ia dihasilkan daripada kacukan antara padi pusu dan padi laila iaitu dua jenis padi yang sangat digemari oleh *consumer* tempatan. Ia tidak peka terhadap *photo colour* dan boleh ditanam 2 kali setahun. Ia juga mempunyai potensi hasil antara 3 hingga 5 metrik tan sehektar dan mempunyai ketahanan terhadap kemarau yang lebih baik berbanding dengan padi laila.

Walau bagaimanapun, ia mempunyai tempoh matang yang lama iaitu 135 ke 140 hari. Oleh yang demikian, baka *BDR5* ini disasarkan di kawasan tadahan hujan sebagai satu alternatif kepada padi tempatan yang mempunyai tempoh matang sekitar 150 hari dan hanya boleh ditanam sekali dalam setahun.

Dalam memastikan perkembangan industri padi yang berterusan dan berdaya tahan. **Salah satu strategi** pihak kementerian adalah untuk meningkatkan produktiviti yang menggunakan *variety* padi yang berhasil tinggi contohnya menghasilkan dan mengisytiharkan dan penanaman padi 'Laila' secara besar-besaran pada tahun 2009, dan telah menyumbang kepada peningkatan hasil yang ketara berbanding dengan penggunaan padi tempatan yang

berhasil rendah pada tahun-tahun sebelumnya.

Pihak kementerian menyasarkan tahun 2017 bagi penanaman padi 'Titih' yang berupaya mencapai potensi hasil bagi 8 metrik tan bagi sehektar semusim. Pada masa ini, pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang berusaha untuk mendapatkan ataupun mengumpulkan *variety* yang boleh menghasilkan 12 metrik tan padi sehektar setahun. Adalah disasarkan varieti tersebut untuk diperkenalkan kepada peladang pada tahun 2019 iaitu setelah kajian-kajian penyesuaianya dilaksanakan.

Berkenaan dengan mesin-mesin penanaman padi. Kenapakah belum lagi diperkenalkan di Daerah Temburong? Sebenarnya penggunaan mesin-mesin dan pemajakan tanaman padi telah pun diperkenalkan kepada peladang-peladang padi di Daerah Temburong sejak tahun 2009.

Walau bagaimanapun, melalui ujian-ujian kesesuaian yang telah dijalankan didapati bahawa hampir keseluruhan kawasan penanaman padi di Daerah Temburong iaitu Perdayan, Lekiun, Senukuh dan Nagalang belum lagi sesuai untuk diusahakan menggunakan mesin kerana kawasan-kawasan tersebut mempunyai jenis tanah gambut (*pit soil*). Ditambah lagi dengan keadaan struktur tanah yang belum stabil dan ketiadaan sistem pengairan yang teratur. Maka penggunaan mesin adalah terhad pada mesin-mesin yang ringan

sahaja atau tidak dapat menggunakan mesin langsung.

Walau bagaimanapun, hanya ladang padi Selapun di Daerah Temburong sahaja yang dapat menggunakan mesin traktor yang telah mula digunakan pada akhir tahun 2015. Ladang ini mempunyai tanah yang sesuai untuk penggunaan mesin yang dilengkapi dengan sistem saliran dan pengairan yang lebih yang telah siap dibina.

Mesin penanaman ataupun *transplanter* juga sesuai digunakan jika terdapat penyediaan semaihan yang moden di Daerah Temburong. Pihak kementerian memang menggalakkan penggunaan mesin bagi perusahaan padi untuk meningkatkan efisiensi pengurusan dan pengeluaran padi tempatan.

Manakala mesin penggerek dan mesin pengering padi juga telah pun diperkenalkan kepada peladang-peladang padi di Daerah Temburong tetapi hanya sebilangan peladang sahaja yang mampu untuk memiliki walaupun mesin-mesin ini telah disenaraikan dalam Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan yang peladang-peladang boleh membelinya secara subsidi.

Bagi peladang-peladang yang ingin mendapatkan mesin pembaja, mesin penanam, mesin penggerek dan mesin pengering padi melalui di Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan (*SIPA*) ini. Mereka boleh membuat permohonan dan terus berhubung dengan Unit

Perkembangan Pertanian Daerah Temburong; dan

Berkenaan status bantuan keperluan yang diberikan kepada pihak berkenaan. Status keperluan yang diberikan oleh pihak kementerian sejauh ini peladang-peladang di Daerah Temburong adalah seperti berikut:-

1. Dari segi bantuan baja, racun rumpai, racun penyakit dan racun serangga. Bantuan ini masih lagi akan diteruskan mengikut peruntukan yang diberikan setiap tahun kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Selain itu, bantuan infrastruktur ladang juga juga akan terus diberikan seperti pembinaan dan penyediaan sistem saliran dan pengairan; dan
2. Bagi pembinaan jalan ladang utama. Pada masa ini hampir keseluruhan ladang penanaman padi utama di Daerah Temburong yang sedia ada telah pun dilengkapi dengan jalan-jalan ladang. Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan secara berterusan melaksanakan projek pemeliharaan dan menaik taraf projek tersebut mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Bagi penyediaan sistem saliran dan pengairan, setakat ini hanya kawasan padi Kampung Selapun sahaja yang telah dilengkapi dengan sistem saliran dan pengairan yang teratur. Secara amnya, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan secara berusan akan

melaksanakan projek-projek pembangunan dan pemeliharaan infrastruktur di semua ladang-ladang di Daerah Temburong mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Selain itu, pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga ada memberikan bantuan-bantuan lain seperti taklimat dan khidmat nasihat teknikal dari segi penjagaan dan pengawalan musuh di ladang misalannya khidmat nasihat teknikal mengenai pengawalan musuh bersepadu (*IPM*), amalan tanaman secara bergilir, tanaman terlindung, pemilihan biji benih yang berkualiti dan tentang penyakit serta Amalan Pertanian Baik atau *Good Agriculture Practice (GAP)*.

Demikianlah jawapan kaola bagi soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan No. 23 daripada Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kaola tujukan soalan

ini kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Rumah Kediaman Rasmi Pegawai Daerah bagi Pegawai Daerah Tutong, Kuala Belait dan Temburong telah disediakan oleh kerajaan di ketiga-tiga daerah. Nampaknya tidak ramai Pegawai-Pegawai Daerah yang tinggal di Rumah Kediaman Rasmi tersebut dan memilih tinggal di luar daerah berulang-alik setiap hari untuk bertugas.

Sebelum Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaannya pada 1 Januari 1984, terutama sekali pada tahun-tahun 1950-an hingga awal tahun 80-an, Pegawai-Pegawai Daerah dimestikan tinggal di daerah tempat mereka bertugas. Selain dipertanggungjawabkan untuk mentadbir daerah, mereka juga disifatkan wakil kerajaan yang paling kanan di daerah tersebut. Dengan adanya mereka bermastautin di daerah tersebut mereka bukan hanya dapat bergaul rapat dengan penduduk di daerah tersebut malah memberi nasihat dan boleh mengambil tindakan dengan cepat dan berkesan jika ada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku.

Saya ingin tahu:-

1. Adakah perubahan atau *directive* sudah dibuat bahawa Pegawai-Pegawai Daerah tidak perlu lagi tinggal atau bermastautin di daerah mereka bertugas; dan

2. Jika tidak ada, apakah alasan Pegawai-Pegawai Daerah tidak mahu tinggal di rumah kediaman rasmi yang disediakan itu?

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menghargai Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar kerana bertanyakan 2 perkara iaitu mengenai *directive* Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Pegawai-Pegawai Daerah dan mengenai apa alasan Pegawai-Pegawai Daerah tidak mahu tinggal di Kediaman Rasmi yang disediakan di daerah-daerah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak pernah mengeluarkan sebarang arahan atau *directive* bagi Pegawai-Pegawai Daerah untuk **tidak perlu tinggal** atau tidak bermastautin di daerah masing-masing tempat mereka bertugas sebagai Pegawai Daerah. Sebaliknya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seringkali menekankan akan perlunya keberadaan Pegawai-Pegawai Daerah di daerah-daerah berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara ini ditekankan lagi dalam Surat Arahan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengarahkan Pegawai-Pegawai Daerah untuk mengambil perhatian

keberadaan Pegawai-Pegawai Daerah dan Pemangku Pegawai Daerah bukan sahaja semasa waktu pejabat malah juga di luar waktu pejabat termasuklah hari Jumaat dan Ahad serta hari-hari kelepasan awam.

Ini termasuklah juga arahan untuk mendiami dan tinggal di Rumah Kediaman Rasmi masing-masing seperti mana yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil berat mengenai perkara ini dan mengambil kira akan kepentingan orang ramai dan masyarakat setempat supaya dapat berhubung dengan Pegawai-Pegawai Daerah dan Pemangku Pegawai Daerah pada bila-bila masa diperlukan bagi memeduli hal ehwal kebaikan dan kesejahteraan semua lapisan masyarakat, rakyat dan penduduk di daerah masing-masing.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Walau bagaimanapun, terdapat dalam waktu-waktu tertentu Pegawai-Pegawai Daerah dan Pemangku Pegawai Daerah tidak dapat memenuhi keberadaan dan tinggal setiap masa di daerah masing-masing, disebabkan oleh tugas-tugas rasmi atau menghadiri majlis-majlis dan aktiviti-aktiviti di luar daerah.

Maka dalam keadaan ini, Pegawai-Pegawai Daerah akan mengarahkan dan memastikan Penolong-Penolong Pegawai Daerah ataupun Pegawai-Pegawai Kanan yang lain untuk berada

di daerah bagi memastikan perjalanan pentadbiran dan pengurusan daerah tidak terjejas dalam memastikan terhadap pemedulian rakyat dan penduduk di daerah masing-masing secara berterusan. Sekian yang dapat saya jelaskan Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Soalan yang No.24 daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim kepada Yang Berhormat Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md Daud bin Karim:** Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola ditujukan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal dalam Negeri mengenai Cukai tahunan pintu bangunan dan rumah di kawasan Lembaga Bandaran.

Salah satu sumber pendapatan negara ialah daripada bayaran kutipan cukai tahunan, pintu bangunan dan rumah di kawasan Lembaga Bandaran. Adalah difahamkan bahawa ada cukai-cukai telah tertunggak dan mempunyai masalah untuk mengutipnya.

Soalan kaola:-

1. Adakah benar banyak pemilik bangunan yang masih mempunyai tunggakan cukai tahunan yang

belum dijelaskan dan jika benar berapakah jumlahnya?; dan

2. Apakah langkah-langkah yang sudah dan akan dibuat oleh pihak berkenaan kepada mereka yang masih lagi tertunggak bayaran cukai tahunan ini?

Sekian terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli. Yang Berhormat. Saya lebih dahulu merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md Daud bin Karim, atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap isu tunggakan cukai bangunan. Adalah benar ramai pemilik bangunan yang masih mempunyai tunggakan cukai tahunan yang belum dijelaskan.

Jumlah akaun pemilik-pemilik yang mempunyai tunggakan bagi ketiga-tiga Jabatan Bandaran ialah sebanyak 2,993 akaun iaitu Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan sebanyak 2,314 akaun, Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria sebanyak 688 akaun dan Jabatan Bandaran Tutong sebanyak 11 akaun.

Bagi Tahun Kewangan 2015/2016, jumlah tunggakan terkumpul bagi ketiga-tiga Jabatan Bandaran mencecah sehingga \$45.08 juta, sehingga 31 Januari 2016 sejumlah \$6.3 juta

sahaja yang berjaya dikutip dan masih berbaki \$38.78 juta iaitu Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan mempunyai jumlah tunggakan sebanyak \$41.41 juta. Dari jumlah tersebut sejumlah \$5.41 juta telah berjaya dikutip. Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria mempunyai jumlah tunggakan sebanyak \$3.64 juta. Sejumlah \$0.89 juta telah berjaya dikutip. Jabatan Bandaran Tutong mempunyai jumlah tunggakan \$25,190.98.00 dan sejumlah B\$2,782.00 telah berjaya dikutip.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Tatacara tuntutan cukai bangunan semasa yang berjalan pada masa ini, ialah cukai bangunan dituntut kepada pemilik bangunan dengan mengeluarkan notis makluman pada awal tahun. Jika cukai bangunan tidak dibayar, peringatan pertama akan dikeluarkan dan jika masih belum dibayar, peringatan terakhir dikeluarkan.

Selain itu, bagi memperkesankan tatacara pengutipan tunggakan cukai bangunan ini, Jabatan Bandaran juga mengambil langkah mengeluarkan Pemberitahuan melalui media massa. Dalam usaha untuk memantapkan proses pengutipan cukai bangunan ini, Jabatan Bandaran bekerjasama dengan pihak Pejabat Peguam Negara. Sebelum tindakan undang-undang diambil pemilik-pemilik bangunan juga diberikan peluang untuk berunding dengan Jabatan Bandaran bagi menyelesaikan masalah pembayaran.

Jika peringatan terakhir telah dikeluarkan dan pemilik masih belum membuat pembayaran, Jabatan Bandaran akan memohon kerjasama pihak Peguam Negara untuk mengeluarkan *Letter Of Demand*. Bagi kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, sejak bulan Oktober 2015 sehingga bulan Februari 2016, sebanyak 121 kes yang melibatkan tunggakan telah dihadapkan ke Pejabat Peguam Negara bagi mengeluarkan *Letter Of Demand*.

Di Dewan yang mulia ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Peguam Negara atas kerjasama berterusan dalam usaha mengutip tunggakan cukai bangunan. **Yang Berhormat Yang Di-Pertua**, pada 17 Oktober 2015 yang lalu, satu Jawatankuasa Khas Mengutip Tunggakan Cukai bangunan telah pun ditubuhkan di Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan. Sejak tertubuhnya jawatankuasa ini pada bulan Oktober 2015 hingga 29 Februari 2016, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah berjaya mengutip cukai bangunan sebanyak \$8,507,339.61 dimana dari jumlah tersebut sejumlah \$3,091,375.27 adalah bayaran bagi tunggakan cukai bangunan yang menunjukkan satu kenaikan daripada tahun sebelumnya.

Bagi kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan sebanyak 253 akaun tunggakan yang melibatkan jumlah tunggakan \$5,645,222.02 telah membuat perjanjian untuk membuat pembayaran ansuran. Sejauh ini jumlah tunggakan yang telah berjaya dikutip

adalah sejumlah \$1,022,664.23 iaitu sebanyak 18.1%.

Alhamdulillah dengan kerjasama pihak pemilik-pemilik bangunan berkenaan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan telah dapat meningkatkan kutipan hasil cukai bangunan bagi tahun kalender 2015 dan juga bagi Tahun Kewangan 2015/2016.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan bandaran akan terus berusaha untuk menyelesaikan isu tunggakan cukai bangunan dengan mengambil langkah-langkah pemberian iaitu:-

1. Mengadakan permuzakarahan dengan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan;
2. Memperkasakan dasar serta prosedur tuntutan dan kutipan cukai bangunan;
3. Memperkasakan penguatkuasaan; dan
4. Mengemaskini data dan maklumat pemilik-pemilik bangunan dan hartanah dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Sekian sahaja Yang Berhormat Yang Di-Pertua yang dapat saya jelaskan terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Soalan No. 25, Soalan Yang Telah Diberi Notis yang akan disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin

Akim kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

### **Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Soalan kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua mengenai proses perubahan di agensi-agensi kerajaan. Pada tahun lepas beberapa agensi kerajaan telah membuat reformasi atau perubahan bagi membantu pihak kerajaan mencapai hasrat untuk memperbaiki lagi kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam Laporan Bank Dunia bagi *Ease of Doing Business*. Antara agensi tersebut ialah Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Pihak Berkua Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABC*), Jabatan Kerja Raya dan pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi (*AITI*) di bawah Telekom Berhad dengan bantuan Unit PENGERAK, Jabatan Perdana Menteri.

Fokus utama pembaharuan itu adalah memproses untuk mendapatkan kebenaran bagi perancangan, pelaksanaan, kebenaran pendudukan, penyambungan bekalan air dan elektrik serta permohonan bagi talian telefon dan *internet* yang sebelum ini dihadapkan ke *AITI*.

Soalan kaola:-

1. Adakah pemohon-pemohon dari orang ramai yang tergenda sebelum perubahan dikuatkuasakan

mulai 1 Novemer 2015 itu seperti permohonan pecah tanah (*sub-division*), memajukan projek dan industri seperti stesen minyak, perumahan dan sebagainya yang memakan masa lama diperlukan membuat permohonan semula atau diteruskan prosesnya supaya dapat dipercepatkan kelulusannya?; dan

2. Adakah pihak yang layak mengambil tindakan kepada kontraktor yang membuat salah laku dengan tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan seperti tidak mengamalkan ciri-ciri keselamatan yang mengakibatkan kecuaian dan kemalangan berlaku dan tidak mengendahkan kebersihan alam sekitar yang menyusahkan orang ramai? Jika ada apakah tindakan-tindakan yang dikenakan ke atas mereka?

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim atas soalan-soalan tadi. Mengenai soalan pertama iaitu adakah permohonan-permohonan dari orang ramai yang tergenda sebelum perubahan dikuatkuasakan mulai 1 November 2015, iaitu permohonan pecah tanah ataupun *sub-division*, memajukan projek dan industri seperti

stesen minyak, perumahan dan sebagainya yang memakan masa lama, diperlukan membuat permohonan semula atau diteruskan prosesnya supaya dapat dipercepatkan kelulusannya.

Saya menjawab bahawa petunjuk Bank Dunia dalam *Ease of Doing Business* yang dimaksudkan ialah berurusan dengan kebenaran pembinaan ataupun *dealing with construction permit*. Dalam Laporan Tahunan 2016, Negara Brunei Darussalam telah mencapai kedudukan yang ke-21 daripada 189 ekonomi dunia bagi petunjuk ini. Proses mendapatkan kebenaran pembinaan telah dipermudahkan kepada 5 peringkat sahaja iaitu:-

1. Mendapatkan kebenaran perancangan dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa;
2. Mendapatkan kebenaran kemajuan dari *ABC*;
3. Mendapatkan kebenaran memulakan kemajuan dari *ABC*;
4. Mendapatkan kebenaran mendiami dari *ABC*; dan
5. Mendapatkan penyambungan air dari Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya.

Informasi yang dimaksudkan berkuat kuasa pada 1 November 2015 iaitu mulanya berkuatkuasa Perintah Kawalan Bangunan 2014 dalam konteks proses 5 peringkat yang saya nyatakan tadi.

Perintah ini mengawal peringkat II, III dan IV iaitu mendapatkan kebenaran kemajuan, mendapatkan kebenaran memulakan kemajuan dan mendapatkan kebenaran mendiami atau dikenali sebagai *Occupation Permit*, semuanya dari *ABC*. Perintah ini tidak mengambil alih kuasa Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebagai Pihak Yang Layak Kawalan Kemajuan yang mengeluarkan kebenaran perancangan di peringkat pertama tadi. Reformasi atau Perintah ini juga tidak melibatkan permohonan pecah tanah ataupun *sub-division* mahupun penyatuan tanah atau pun *solidation*.

Pendeknya tidak ada keperluan untuk menghadapkan semula sebarang permohonan kepada mana-mana pihak. Jika ada pembetulan yang perlu dibuat, pihak *QP* akan menghadapkan pembetulan ataupun pindaan pelan tetapi ini bukanlah permohonan semula. Khusus untuk menangani permohonan-permohonan yang masih belum lulus walaupun telah lebih daripada TPOR, pihak *ABC* pada 11 dan 13 Februari yang lalu telah pun mengadakan klinik bagi orang-orang yang berkelayakan atau pun *QP*, untuk mengemukakan pertanyaan dan mendapatkan penjelasan mengenai permohonan-permohonan yang belum lulus. Klinik ini mendapat sambutan baik dan atas permintaan *QP* klinik ini akan diteruskan setiap bulan.

Impak terbesar Perintah Kawalan Bangunan ini ialah ia menggariskan tanggungjawab kepada pemaju, *QP* dan pembina. Orang berkelayakan pembina

dan pemaju yang dilantik akan bertanggunjawab untuk memastikan kemajuan yang dijalankan mengikut peraturan dan piawaian yang ditetapkan.

Dengan adanya perubahan ini, proses di *ABCi* dapat dipercepatkan lagi, misalannya proses peringkat 3 iaitu mendapatkan kebenaran memulakan pembinaan telah dipendekkan dari 7 hari kepada 1 hari. Manakala permohonan-permohonan kemajuan tanah pembangunan yang telah pun dihadapkan kepada pihak Berkuasa (*authority*) Kawalan Bangunan dan Industri (*ABCi*) sebelum 1 November 2015 tetapi masih belum lulus yang memerlukan pindaan akan diproses semula selepas pihak arkitek atau jurutera profesional atau tukang pelan menghadapkan pelan pindaan yang telah mematuhi perkara-perkara yang diperlukan oleh setiap disiplin yang ada untuk ulasan sahaja ke *ABCi* dengan merujuk kepada permohonan asal. Permohonan baharu tidak perlu dihadapkan.

Mengenai soalan No.2, adakah pihak yang layak (*competent officer*) mengambil tindakan kepada kontraktor yang membuat salah laku dengan tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan seperti tidak mengamalkan ciri-ciri keselamatan yang mengakibatkan berlakunya kemalangan dan tidak mengendahkan kebersihan alam sekitar yang menyusahkan orang ramai. Jika ada, apakah tindakan-tindakan dikenakan ke atas mereka?

Kontraktor dan pembekal yang berhasrat ikut serta dalam tawaran kerajaan dalam industri pembinaan dimestikan untuk berdaftar sebagai Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan. Ini termasuk kontraktor yang hendak melaksanakan projek-projek pembinaan di sektor swasta atau persendirian.

Pada masa ini, pendaftaran Kontraktor dan Pembekal dibuat secara pentadbiran berdasarkan syarat-syarat yang terkandung dalam Buku Prosedur Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal dan peraturan-peraturan yang berjalan pada masa ini. Pendaftaran sebagai Kontraktor dan Pembekal dipertimbangkan melalui Jawatankuasa Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan.

Mengenai soalan tindakan yang dikenakan ke atas kontraktor yang membuat salah laku dan tidak mematuhi piawaian, tidak mengamalkan ciri-ciri keselamatan yang mengakibatkan kecuaian dan kemalangan dan tidak mengendahkan akan kebersihan alam sekitar yang menjelaskan orang ramai. Prosedur pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan memperuntukkan tindakan bagi penggantungan dan pembatalan Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal seperti yang terdapat dalam Jadual x bahawa Sijil Pendaftaran boleh digantung tidak melebihi 6 bulan. Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal boleh dibatalkan jika pihak syarikat melakukan 3 kali kesalahan

dan telah diberi Peringatan Bertulis daripada Jawatankuasa Pendaftaran.

Dalam perkara ini juga, isu-isu yang berkaitan dengan prestasi keselamatan dan kesihatan, masalah projek, kecuaian kontraktor boleh dibawa oleh Ahli-ahli Jawatankuasa atau jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan atau surat aduan daripada orang ramai untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa untuk tindakan sewajarnya mengikut peraturan dan garis panduan yang berjalan pada masa ini.

Syarikat juga boleh ditegah untuk mengikuti tawaran-tawaran kerajaan dalam satu tempoh tertentu dalam bidang kuasa Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan. Dalam Perintah Kawalan Bangunan (*Building Control Order*) 2014 di bawah Seksyen 15; *Duties of Builders*, terdapat peruntukan untuk pembina (*builders*) supaya mematuhi perintah dan peraturan yang ada.

Sekian Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya berpendapat cukuplah dahulu setakat itu soalan-soalan No. 25, kerana di hadapan kita masih terdapat lagi Rang Undang-Undang Belanjawan 2016/2017 yang perlu kita segerakan untuk diselesaikan. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

#### **(Majlis Mesyuarat ditangguhkan) (Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

#### **Yang Berhormat Pengerusi:**

سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Kita masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Pada mesyuarat yang telah kita adakan petang semalam, kita telah mendengar ucapan pendahuluan berkenaan dengan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini secara komprehensif yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Kita telah mendengar sebanyak 8 soalan daripada 8 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang mengemukakan pertanyaan-pertanyaan dan pada petang semalam. Pertanyaan-pertanyaan tersebut telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sungguhpun demikian, di hadapan saya masih ada lagi senarai seramai 8 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang suka untuk ikut serta dalam membahaskan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini.

Walau bagaimapun, sebelum itu saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah memohon untuk diberi laluan bagi memberi

jawapan-jawapan ringkas kepada soalan-soalan yang belum sempat dijawabnya yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik semasa kita membincangkan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Dengan itu, sebelum saya memberikan kesempatan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka untuk membincangkan Rang Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama, saya berikan kesempatan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menjawab soalan-soalan yang berkenaan itu. Silakan Yang Berhormat.

#### **Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjawab 2 soalan yang belum terjawab, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad.

Berkenaan dengan bekalan racun dan baja. Adakah mencukupi bagi peladang pedalaman? Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memang sentiasa peka mengenai keperluan pengusaha mendapatkan bahan insentif seperti baja dan racun kimia pertanian. Penyediaan bahan-bahan insentif tersebut tidaklah dapat disediakan sepenuhnya mengikut kehendak keperluan semua pengusaha di seluruh daerah kerana pembekalannya tertakluk kepada peruntukan yang diberikan.

Oleh itu, Jabatan hanya berkemampuan untuk menyediakan keperluan baja dan racun yang asas sahaja untuk diedarkan kepada pengusaha-pengusaha di keempat-empat daerah **bagi mengurangkan kebergantungan** terhadap penggunaan racun dan bahan-bahan kimia pertanian untuk mengawal masalah rumpai serangga perosak dan penyakit tanaman.

Pengusaha-pengusaha digalakkan supaya mengamalkan kaedah pengurusan musuh bersepadu iaitu seperti:-

1. Mengutamakan kebersihan ladang;
2. Menjalankan aktiviti seperti memotong rumput;
3. Memastikan penyediaan ladang yang rata dan bersih untuk mengelakkan tumbuhnya rumput-rampai;
4. Mengamalkan pemantauan tahap serangan berumpai, serangga perosak dan penyakit tanaman di ladang;
5. Menggunakan peralatan ladang seperti pukat, perangkap, lampu dan sebagainya untuk mencegah dan mengurangkan tahap serangan; dan
6. Seterusnya mencabut, membuang dan membakar secara terkawal bahagian pohon atau keseluruhan pohon yang sudah teruk diserang.

Sekiranya pengusaha-pengusaha berhasrat untuk membeli racun atau

bahan kimia pertanian, pengusaha-pengusaha berkenaan dinasihati membeli bahan-bahan tersebut di syarikat swasta yang mempunyai Lesen Racun dari Kementerian Kesihatan dan membincangkan kos-kos pembeliannya yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak.

Usaha untuk mengekalkan penghasilan padi yang tinggi dan berkualiti, pengusaha disarankan untuk menukar penggunaan jenis baja *compound* kepada baja campuran fizikal atau tunggal dan membeli baja secara berkumpulan atau berkoperasi untuk mendapatkan harga borong atau *discount* daripada syarikat swasta atau mengimport dari luar negara baja campuran lebih murah berbanding harga baja *compound*;

Apakah perancangan kementerian bagi mengganti tanaman limau yang sudah tidak dijalankan di Daerah Belait. Penyakit *Citrus Greening* adalah penyakit sejenis bakteria yang menyerang kesemua jenis tanaman limau termasuk limau manis. Kesan serangannya menyebabkan tanaman limau menguning, kurang membuatkan hasil dan kualiti buah turut terjejas seperti saiznya kecil dan tahap manisnya berkurangan. Penyakit ini tidak mempunyai antidot atau racun dan pokok yang teruk diserang disarankan untuk ditebang dan dihapuskan.

Pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang membuat perancangan melalui kajian *rehabilitation* (pemulihan industri limau

manis) dengan penyediaan bahan tanaman limau manis yang bebas penyakit *Citrus Greening*. Pada masa ini, kajian pembiakan bahan tanaman yang bebas penyakit melalui kaedah *micropropagation* sedang giat dijalankan oleh pihak jabatan dan juga pihak jabatan merancang untuk menjalankan kegiatan *heat therapy* melalui informasi yang didapati daripada Amerika Syarikat sebagai kaedah bagi memulihkan tanaman limau manis yang terkena serangan penyakit *Citrus Greening* itu.

Sekianlah sahaja jawapan kaola bagi soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang kita balik kepada Tajuk Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin untuk menyuarakan keraguannya.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kaola ada 3 soalan untuk Kementerian Hal Ehwal Ugama:-

1. Dicadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama menubuhkan Unit Mencari Jodoh. Pada masa ini,

kebanyakan wanita dan lelaki sukar mencari jodoh. Pada zaman dahulu urusan jodoh ditentukan oleh kedua-dua orang tua. Pada masa itu terdapat banyak acara kekeluargaan misalannya dalam perkahwinan seperti berusah-rusah, gotong-royong dan lain-lain. Dalam acara berkenaan, peluang untuk mencari jodoh lebih luas serta memilih-milih menantu dilihat dari kerajinan seseorang lelaki dan perempuan dengan lain-lain cara.

Kini perkara tersebut tidak lagi berlaku di masyarakat kita. Oleh sebab itu, ramai yang kahwin lewat. Masa kesuburan untuk melahirkan anak yang berkualiti akan terjejas dan mungkin akan menyebabkan anak-anak yang lahir mendapat *down syndrome*, terutama pasangan perempuan yang sudah meningkat umurnya.

Dengan memperkenalkan sebuah unit untuk mencari jodoh, diharapkan agensi tersebut akan dapat membantu wanita dan jejaka yang bujang untuk mencari pasangan. Mudah-mudahan dengan cara ini boleh membantu mereka yang berkenaan;

2. Penggunaan teknologi pada masa kini membawa fenomena baharu dalam bentuk komunikasi apabila fokus kini tertumpu kepada penggunaan media sosial dalam pelbagai aspek kehidupan. Justeru, penggunaan media sosial juga meliputi tuntutan pelaksanaan

dakwah yang mengikut arus perubahan zaman. Mesej dakwah di rangkaian media sosial memberikan impak kepada anak-anak pada masa ini.

Terdapat pengaruh dan manfaat yang positif terhadap penyebaran dakwah melalui media elektronik dan mudah diakses. Namun, kini peredaran maklumat mudah diputar belitkan dan ini tidak terkecuali mengenai soal agama.

Penyebaran amalan syiah, pengaruh *IS* dan ideologi radikal, mereka adalah antara pengaruh negatif yang dikhuatiri akan disebarluaskan dan mesej yang disebarluaskan setentunya bertentangan dengan ajaran agama Islam.

Oleh itu, Pusat Da'wah dan Islamiah seharusnya mengambil peluang terhadap penyebaran mesej da'wah melalui media sosial kerana sifatnya yang pantas dan lebih global. Pada masa yang sama Pusat Da'wah Islamiah seharusnya secara berterusan menggunakan kecanggihan media elektronik untuk menapis sebarang anasir yang bertentangan dengan agama dan fahaman yang boleh memesongkan akidah kita atau fahaman-fahaman radikal yang boleh menjerumuskan anak-anak muda; dan

3. Masalah perkuburan. Terdapat kawasan tanah perkuburan di hutan-hutan yang ada kawasannya sudah digazet dan belum. Apa yang terjadi

beberapa tahun dahulu ada perkuburan telah diselongkar oleh pemaju. Kontraktor mengalihkan batu nisan atau meratakan kubur. Sebilangannya melibatkan Perkuburan Batu Bersurat dan ada perkuburan orang kenamaan telah dipindahkan. Nisan-nisan yang ada di sekitar kawasan projek hanya boleh dialih, diubah ke tempat lain sebagaimana diharuskan oleh syarak. Kubur tersebut dikhuatir digali oleh pencuri atau binatang atau runtuh kerana banjir, tanah susur dan seumpamanya.

Adalah diingatkan supaya manama pemaju dan kontraktor untuk mematuhi segala peraturan dan spesifikasi projek pembinaan terutama yang berdekatan dengan tanah perkuburan dan masjid. Perkara ini harus dipandang serius kerana ia berkaitan dengan sensitiviti agama. Dari segi sejarah juga ia merugikan bagi generasi-generasi akan datang.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ*

dan salam sejahtera. Terlebih dahulu izinkan kaola juga untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah peruntukan belanjawan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama pada petang semalam. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Sukacita kaola akan menyampaikan 4 perkara dalam Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama, iaitu:-

1. Mengenai dengan cadangan dan rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan yang berkenaan bagi menaik taraf beberapa buah masjid di Daerah Temburong termasuklah juga menaik taraf Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. Kaola ingin tahu status perkembangannya sejauh ini. Apakah ia masih diteruskan seperti mana yang sudah dirancangkan?;
2. Kaola melihat surau-surau atau balai ibadat bagi saudara-saudara baharu (mualaf) yang terdapat di Daerah Temburong yang memerlukan perhatian kerana ada yang sudah rosak di beberapa bahagian dan perlu pembaikan.

Di Dewan yang mulia ini, suacita kaola bertanya pada jangka masa panjang, apakah ada dalam perancangan dan cadangan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan berkenaan supaya bangunan surau-surau atau balai ibadat bagi saudara-saudara baharu di Kampung Sumbiling,

Mukim Amo dan Kampung Semabat, Mukim Bukok dapat dinaik taraf daripada bangunan kayu kepada bangunan konkrit seperti mana juga surau/balai ibadat Kampung Selapun, Mukim Batu Apoi pada masa ini;

3. Kaola ingin mengetahui tempoh proses pemohon bantuan kepada pihak Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui wang zakat seperti permohonan bantuan perahu dan alat-alat menangkap ikan yang menyebabkan terdapat kes-kes permohonan menunggu terlalu lama, masih belum ada maklum balas. Kaola ingin tahu akan kedudukan perkara ini; dan
4. Di Daerah Temburong yang masih lagi menghadapi kekurangan rumah penempatan tinggal sementara bagi keluarga saudara-saudara baharu (mualaf) yang sudah lama memeluk agama Islam, ada yang masih tinggal di rumah ibu bapa mereka yang belum Islam.

Alhamdulillah, atas keprihatinan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan berkenaan, pada masa ini sudah pun ada 2 buah bangunan Rumah Bahagia yang sudah lama dibina bagi saudara-saudara baharu (mualaf) yang dibangunkan melalui Pusat Da'wah Islamiah Daerah Temburong iaitu di Kampung Sibut, Mukim Amo yang didiami oleh 6 keluarga dan di Kampung Semabat, Mukim Bukok yang didiami oleh 6 keluarga.

Sukacita kaola bertanya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian melalui jabatan berkenaan dalam menangani masalah yang kaola nyatakan tadi dan perancangan jangka panjang seperti penambahan Rumah Bahagia bagi menangani penempatan saudara-saudara baharu (mualaf) di Daerah Temburong.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

**Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah yang telah diberikan pada petang semalam dengan fungsi 5 utama. Peruntukan sejumlah \$249,737,970.00.

Kaola sendiri menyokong sepenuhnya. Sementara Perbelanjaan Khas sebanyak \$2.15 juta berbanding dengan Tahun Kewangan 2015/2016 sebanyak \$5.4 juta. Dalam hubungan ini, kaola ingin mengetahui:-

1. Mengenai usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama memasang CCTV

- di masjid-masjid seluruh negara. Berapa buahkah masjid sudah dipasang dengan *CCTV* ini?; dan
2. Kaola ingin tahu perkembangan pembinaan masjid di kawasan Zon 2 terutamanya di kawasan Perpindahan Perumahan Meragang, Tanah Jambu dan Mengkubau setakat ini?.

Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekarang bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, sama ada mahu menjawabnya? Silakan.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih. Soalan dari pada 3 orang Ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan tersebut:-

Mencadangkan supaya diadakan Unit Mencari Jodoh dengan alasan pada masa ini, keadaan sudah berubah. Pada masa dahulu peranan tersebut banyak dimainkan oleh orang tua dan oleh sebab keadaan masyarakat kitani sudah berubah, acara-acara kekeluargaan makin berkurangan maka perlulah dicari, cara-cara iaitu dengan secara *formal* maksudnya ada agensi di pihak kerajaan untuk menjalankan peranan ini.

Yang Berhormat Pengerusi. Diakui bahawa peranan kedua ibu bapa dapat menemukan jodoh dalam kalangan

keluarga dalam masyarakat pada keadaan masa itu. Dalam keadaan masa ini, masyarakat semakin terbuka, lelaki dan perempuan lebih mempunyai *direct access* terhadap satu sama lain. Ia akan lebih mudah kalau dibandingkan dengan zaman dahulu. Pemilihan pun namanya *direct*. Terjadi hal-hal seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu lambat menemui jodoh. Kaola dapat menyebutkan belumlah namanya bertemu jodoh.

Apakah peranan ini akan dijalankan oleh kerajaan? Kaola fikir tidaklah perlu secara formal mengenai hal-hal peribadi seperti ini. Adalah lebih baik diserahkan kepada yang berkenaan itu untuk berjalan secara *natural* sahaja;

Media sosial untuk Pusat Da'wah Islamiah *merespons* perkara-perkara keperluan untuk meluaskan dakwahnya dengan media sosial telahpun kaola sebutkan pada jawapan semalam. Walaupun bukan jawapan secara langsung mengenai perkara ini, kaola telah menyebutkan Pusat Da'wah Islamiah sudah pun mengorak langkah ke arah ini dan mempunyai *blog spot* sendiri yang boleh di akses oleh orang ramai. Melalui media sosial Pusat Da'wah Islamiah menyalurkan bahan-bahan da'wah, bahan-bahan yang bersesuaian dengan peringkat-peringkat tertentu mengikut peringkat yang memerlukannya.

Memang perlu, terutama sekali orang ramai untuk memahami apa sebenarnya satu-satu isu yang berbangkit untuk tidak tepengaruh dengan pemikiran

ataupun fahaman radikal dalam beragama. Oleh sebab itulah Pusat Da'wah Islamiah telah menggunakan peluang dalam media sosial ini, walaupun tidak secara langsung untuk merespons kepada aliran *radicalisms* dalam beragama. Apa yang disalurkan itu menepati kehendak tersebut itu; dan

Kawasan tanah perkuburan. Kalau diteliti daripada soalan Yang Berhormat itu tadi lebih banyak merupakan pemikiran daripada Yang Berhormat, saranan supaya pemaju-pemaju **lebih berhati-hati** dalam memajukan tanah terutama sekali pada masa dahulu di kawasan hutan, yang mendapati ada tanah-tanah perkuburan di kawasan yang dimajukan.

Adapun peranan kerajaan dalam hal ini, ialah agensi-agensi yang meluluskan sebarang permohonan untuk kemajuan tanah, tentu mengetahui tanah yang ada kawasan perkuburan. Jika terjadi sedemikian itu lazimnya, akan diambil langkah-langkah berhati-hati, umpamanya merundingkan dengan pihak-pihak berkenaan di bahagian agama, apa yang patut dilakukan mengenai perkara ini.

Yang Berhormat pun telah menyebutkan ada persyaratan tertentu untuk nisan atau perkuburan untuk dipindahkan dan sebagainya. Itulah ada manualnya, dan aturannya sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin tadi.

Mengenai Soalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad dari

Daerah Temburong, kaola mengucapkan terima kasih atas perhatiannya berhubung dengan menaik taraf beberapa buah masjid termasuk Masjid Utama Mohammad Salleh di Pekan Bangar dan juga Masjid Kampung Batu Apoi. Rancangan menaik taraf ini dalam perancangan untuk Masjid Utama Mohammad Salleh di Pekan Bangar dan Masjid Kampung Batu Apoi.

Kedua-duanya adalah dalam Projek USAI. Statusnya pada masa ini, Masjid Utama Mohammad Salleh di Pekan Bangar dalam peringkat menyediakan reka bentuk dan dalam proses ini, beberapa perundingan telah diadakan sambil mengkaji beberapa kedudukan struktur masjid yang lama itu untuk diambil kira sebarang perubahan-perubahannya yang bersesuaian dan keperluan teknikal. Berdasarkan perundingan itu beberapa *input* juga telah didapatkan untuk dimasukkan beberapa perubahan kepada reka bentuk yang sudah mula dicadangkan.

Mengenai Masjid Batu Apoi, sudah siap lukisan reka bentuknya dan telah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Ugama Islam. **Input** dari Mesyuarat Majlis Ugama Islam telah pun dicatat dan diambil kira. Kedua-dua projek ini menunggu peruntukan yang bersesuaian, Yang Berhormat Pengerusi.

Kedua, ditimbulkan tadi ialah perancangan supaya surau atau balai ibadah bagi saudara-saudara baharu di Daerah Temburong diperbaiki dan dinaik taraf daripada bangunan kayu kepada konkrit di Kampung Sumbiling

dan di Kampung Semabat. Mungkin yang disebutkan itu balai ibadah bagi saudara-saudara baharu di Kampung Sumbiling, Mukim Amo itu ialah Balai Ibadah Kampung Semabat, Mukim Bukok.

Ia termasuk dalam Projek USAI untuk dinaik taraf dari bangunan kayu kepada bangunan konkrit dan yang disebut sebagai surau atau balai ibadah Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi itu mungkin yang dimaksudkannya ialah Pos Kawalan Ugama di Kampung Selapon yang dikendalikan oleh Pusat Da'wah Islamiah.

Kementerian memang tidak pangling daripada usaha memperbaiki bangunan surau atau balai ibadah di masjid-masjid di seluruh daerah. Bukan sahaja untuk saudara-saudara kita di pedalaman yang memeluk agama Islam. Ini tertakluk tentang besar kecilnya projek itu yang akan diperiksa dahulu untuk menentukan langkah-langkah yang bersesuaian bagi pelaksanaannya.

Mengenai adakah tempoh bagi proses menimbangkan permohonan bantuan melalui wang zakat. Ada disebutkan tadi ialah mengenai perahu dan alat menangkap ikan. Kaola ingin membetulkan permohonan bantuan zakat, bukan namanya bantuan Yang Berhormat Pengrusi. Bagi zakat permohonan mendapatkan agihan, kerana zakat itu ada orang yang berhak menerimanya.

Tempohnya itu pada masa dahulu ditetapkan *TPOR*nya selama 89 hari bagi

satu permohonan yang diproses dan diberikan respons sama ada berjaya atau tidak. Memandangkan kepada pengalaman yang telah dialami berhubung dengan banyaknya bilangan pemohon, maka *TPOR* sedemikian itu tidak lagi berjalan. Sedaya upaya permohonan-permohonan yang diterima itu akan di disiasat kemudian diteliti dan dibawa ke mesyuarat. Bilangan bermesyuarat dalam dalam seminggu dan sebagainya mempengaruhi juga tempoh kelamaan sesuatu permohonan.

Oleh itu, menyebut tentang permohonan perahu dan alat menangkap ikan, kaola teringat, seorang pemuda di Daerah Temburong, mungkin saudara baharu memohon perkara tersebut pada tahun lepas. Respons daripada Majlis Ugama Islam, Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat ialah meminta pemohon itu lebih dahulu mendapatkan Lesen Menangkap Ikan, tetapi sehingga kini kaola dapat tahu sehingga yang kaola dapat tahu belum ada respons daripadanya sama ada ia sudah berusaha mendapatkan lesen ataupun sebaliknya.

Sebaik-baiknya kalaualah kes yang sama seperti kes pemuda tersebut kaola meminta kerjasama daripada Yang Berhormat untuk bertanya kepada yang berkenaan itu. Jika mereka benar-benar berminat segeralah merespons kehendak yang diperlukan oleh Majlis Ugama Islam untuknya mendapatkan lesen dan kalau ada masalah pun beritahu kepada Majlis Ugama Islam supaya dapat diselesaikan dengan

sebaik-baiknya Yang Berhormat Pengerusi.

Berhubung dengan perumahan bagi saudara-saudara baharu yang sudah lama memeluk agama Islam dan masih lagi tinggal bersama dengan keluarga yang bukan Islam, semalam pun sudah kaola jelaskan mengenai perkara ini. Secara ringkas, memang *ideal* bagi seorang yang memeluk agama Islam untuk kekal bersama-sama dengan keluarganya. Tidak ada halangan dari segi syarak bersama-samanya malah hubungan kekeluargaan tidak putus kerana berlainan akidah. Walau bagaimanapun, jika terjadi masalah keluarga maka bagi mengatasi masalah ini dicarilah rumah **kediaman sementara**.

Kes untuk mengadakan perumahan saudara-saudara baharu akan dibuat apabila penduduk di tempat itu ramai yang memeluk agama Islam, misalannya mereka semua di rumah panjang itu sudah memeluk agama Islam. Maka rumah panjang itu pun dijadikan berek seperti mana yang ada di Semabat yang didiami oleh 6 keluarga Islam.

Dalam masa yang sama, seperti yang dijelaskan semalam kalau ada kes saudara-saudara baharu yang memang memerlukan rumah dan mereka itu berhak dari segi agihan zakat sebagai orang yang miskin dan bukan mualafnya yang dilihat yang memerlukan rumah sebagaimana juga saudara-saudaranya lain yang sudah memeluk agama Islam diberikan perumahan kerana daif dan miskinnya serta tidak berkemampuan.

Kaola terangkan semalam di Daerah Temburong sahaja ada 3 buah rumah yang sudah siap dan akan mula diserahkan dan sebuah lagi dalam penyiapan. Itulah jawapan yang kaola berikan kepada Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Terhadap soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim mengenai *cctv* di masjid-masjid yang sudah mempasangnya. Kalau tidak silap sebanyak 32 buah masjid yang sudah ada mempunyai *cctv*.

Memang dalam Peruntukan Khas tahun ini tidak ada peruntukan untuk *cctv* tapi ada usaha daripada masjid-masjid itu sendiri dan Jabatan Hal Ehwal Masjid menggalakkan masjid-masjid itu sendiri berusaha mendapatkan *cctv* daripada tabung atau dana dan bantuan orang-orang perseorangan seperti pemasangan pendingin hawa. Kita menggalakkan orang ramai untuk menyumbang *cctv* ini kepada masjid-masjid.

Masjid memerlukan *cctv* kerana sering terjadi kejadian kecurian. Masjid merupakan tempat suci dan tempat beribadat terjadinya kecurian. Tabung masjid tersebut terpaksa dibandut (ikat). Ada pintu-pintu bilik di masjid dibuat *grill* seolah-olah macam *factory*. Adakah masjid berkeadaan seperti ini wajar, inilah yang patut kita fikirkan. Seperti dalam dua tiga hari yang lalu ada *divirakan* misalannya satu kejadian di masjid lama di Kampung Kilanas ada

seorang pemuda nampak di *cctv* mengorek tabung.

Sebaik-baiknya kaola mengharapkan kepada orang ramai dan juga mengharapkan kementerian yang berkenaan untuk mengubah dan mencari satu huraihan-huraihan yang lebih sempurna. Masjid itu tempat beribadat dan sebagainya. Kita meletakkan tabung dengan niat ikhlas untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai.

Jemaah menderma dan bersedekah melalui tabung masjid dan sedekahnya itu sifatnya ikhlas. Moga-moga apa yang kita nampak pada masa ini tabung dikorek, tabung dibandut dan bilik-bilik di setengah-tengah masjid dibuat *grill* akan dapat kita selesaikan di masjid itu nanti akan kelihatan sebagai tempat suci untuk beribadat.

Perkembangan pembinaan masjid di Zon 2. Satu perkara yang memang disedari ialah penduduk Mengkubau dan Meragang merupakan kawasan-kawasan ledakan penduduk. Kementerian Hal Ehwal Ugama memang ada perancangan mengenai perkara ini dan buat masa ini kita meletakkannya untuk ditangguhkan dahulu rancangan-rancangan tersebut hingga ke satu masa yang bersesuaian.

Kita mesti ingat juga akan keperluan ini adalah untuk beribadat bagi orang-orang di kawasan-kawasan tersebut. Memang sangat diperlukan, lebih-lebih lagi apabila didapati masjid-masjid yang berdekatan dengan kawasan Zon 2 seperti masjid Tanah Jambu,

Perpindahan Kampung Mentiri, Kampung Mentiri lama dan di Kampung Kapok sentiasa penuh.

Semua ini memerlukan kita untuk menyumbang kepada tabung dana masjid. Mudah-mudahan juga akan menimbulkan kesedaran kita untuk menyumbang kepada tabung itu dan berharap dengan adanya tabung dana itu kita boleh memenuhi keperluan kawasan-kawasan seumpama ini.

Kawasan seumpama itu memerlukan masjid yang besar bukan masjid yang kira-kira 800 ribu orang tapi masjid yang lebih dari itu dan ini memakan peruntukan yang tinggi berbanding dengan masjid yang antara 800 ribu orang boleh dibina dengan peruntukan kira-kira antara \$3.5 juta dengan \$4 juta tapi masjid sedemikian itu lebih daripada itu.

Mudah-mudahan penduduk-penduduk di sana bersabar dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya negara kitani akan segera terkeluar daripada kekurangan pendapatan hasil yang mengakibatkan kita berbelanja dengan berhemat dan berjimat. Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat atas penjelasan-penjelasan yang telah diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa ini kita di tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa  
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara, saya cadangkan supaya Majlis Mesyuarat ini kita tangguhkan selama 20 minit untuk membolehkan kita berehat.

**(Majlis Mesyuarat berehat  
sebentar)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini diteliti satu persatu saya tangguhkan dahulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang

Berhormat. Sekarang kita bersidang

semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan dan meneliti Rang Undang-Undang (2016) Perbekalan, 2016/2017. Sebagaimana kita maklumi kita masih lagi membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sebentar tadi sebelum kita tangguhkan Mesyuarat ini, kita telah mendengar 3 orang Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah mengemukakan beberapa soalan dan pada waktu yang sama Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah juga memberikan responsnya terhadap soalan-soalan yang telah dikemukakan.

Dalam senarai saya masih lagi terdapat 5 orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam perbahasan mengenai Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin untuk memulakannya. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd.**

**Yusof bin Haji Dulamin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, Kaola ingin mengutarakan mengenai pakej haji yang sedang diperkenalkan oleh ejen-ejen yang menguruskan pakej haji dari Negara Brunei Darussalam semasa musim haji pada setiap tahun. Pada akhir-akhir ini, ada antara rakyat kitani yang berhasrat untuk menunaikan fardu haji telah mula membandingkan bayaran pakej haji yang terdapat di Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara di rantau ASEAN.

Dengan jelas mendapati bahawa pakej haji di Negara Brunei Darussalam ini lebih jauh mahal setelah dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Rasa-rasanya persoalan yang kaola utarakan tersebut di atas telah pun mendapat penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menjawab soalan daripada rakan sejawatan dari Zone I, Daerah Belait. Walau bagaimanapun, diharap perkara ini dapat dilihat semula, sebagai satu keperluan ataupun usaha bagi memenuhi hasrat rakyat Brunei yang berminat terhadap pakej yang lebih murah di perkenalkan di Negara Brunei Darussalam. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi Terima Kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima Kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menyokong sepenuhnya Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan nampaknya menunjukkan harapan apa yang disuarakan pada pagi ini.

Program Asnaf Zakat (PROPAZ) yang dikendalikan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) merupakan program yang sangat baik dan memberikan

kefahaman tentang bagaimana menjalani kehidupan yang tidak hanya bergantung pada bantuan semata-mata. Program ini sangat bermanfaat dalam menanamkan rasa tanggungjawab kepada masyarakat khususnya mereka yang dikurniakan bantuan sama ada agihan zakat ataupun Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan juga agensi-agensi yang lain yang menghulurkan bantuan.

Di dewan yang mulia ini kaola rasa dengan rendah hati ingin mencadangkan supaya pihak berkenaan akan dapat mengubah format proses pemberian bantuan seperti berikut:-

1. Setelah penilaian dibuat mengenai status permohonan mereka bagi yang disokong untuk mendapatkan bantuan, sebelum bantuan dihulurkan mereka perlu mengikuti kursus PROPAZ yang dianjurkan oleh MUIB (bagi mereka yang segar-bugar) kata orang tua-tua memang tidak memerlukannya seperti kurang upaya dan sebagainya iaitu mereka yang masih muda dan bertenaga. Dengan yang demikian sekurang-kurangnya mereka mempunyai kesedaran betapa perlunya berdikari untuk mendapatkan rezeki bagi menyara diri dan keluarga; dan
2. Masjid baharu Kampung Tanjung Bunut. Dalam tajuk akhbar Media Permata yang terpapar bertarikh 19 Mac 2015, hampir setahun yang lepas antara lain menyebut sebab mengapa projek ini tergendala ialah

kerana struktur bangunan yang lama tidak kukuh dan tidak boleh dihubungkan dengan bangunan baharu yang akan dibina. Pihak kementerian ketika itu memohon maaf atas kejadian tersebut. Dalam pada masa yang sama pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan peruntukan bajet daripada \$1.5 juta (bajet lama) dinaikkan menjadi \$3.6 juta bagi pembinaan bangunan.

Yang Berhormat Pengerusi, di Dewan yang mulia ini, kaola ingin mengetahui, bilakah projek yang tergendala hampir 3 tahun ini dimulakan dan bilakah akan dapat disiapkan? Rakyat dan penduduk di kawasan tersebut ingin mengetahui lebih terperinci akan status berkenaan bila dapat dimulakan.

Pada sesi mesyuarat lepas di Dewan yang mulia ini, kaola telah membangkitkan berapa buah masjid di kawasan Zon 4 yang perlu diberikan perhatian kerana sebab-sebab tertentu dan perkara ini juga dibangkitkan sesi muzakarah dan pencambahan minda dengan penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di kawasan zon 4 pada 11 Januari 2016 yang lalu antara lain:-

1. Antara lain, Masjid Kampung Tanjung Nangka yang dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dan bila akan dibina?;
2. Masjid Kampung Masin yang telah dijanjikan bila akan diperbesarkan bangunanya?;

3. Masjid Kampung Lumapas bila akan diperbesarkan kerana tidak dapat menampung keperluan jemaah yang semakin meningkat?; dan
4. Masjid Kampung Junjungan yang baharu bila akan dibina?

Dalam kesempatan yang baik ini kiranya ada peruntukan supaya akan dapat dibubuhkan ataupun diampit-ampiti sekadar yang termampu oleh kementerian.

Yang **terakhir** tanah perkuburan merupakan tempat terakhir bagi penempatan orang Islam yang telah meninggal dunia menuju ke alam barzakh dan tempat bersemadinya jasad yang telah meninggal. Maka kerana itu kita dituntut memelihara tempat tersebut agar tidak dicemari oleh binatang-binatang liar, seperti anjing dan khinzir. Adalah dipohonkan supaya tanah perkuburan yang masih lagi aktif digunakan oleh masyarakat kampung dan mukim dipangar dan dipelihara sebaik mungkin.

Di kawasan Zon 4, banyak tanah perkuburan yang belum lagi dipasang dengan pagar. Antara tanah perkuburan tersebut ialah Tanah Perkuburan Kampung Sangkirap ataupun Buang Tekurok. Tanah Perkuburan Kampung Putat dan Kampung Baung. Tanah Perkuburan Kampung Limau Manis, Tanah Perkuburan Kampung Kulapis, Tanah Perkuburan Kampung Masin dan banyak lagi di kawasan yang lain. Maka kerana itu kaola ingin memohonkan supaya tanah perkuburan yang

disebutkan supaya akan disokong untuk disediakan pagar. Sekian sahaja. Wabillahi Taufik Walhidayah. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

1. Kaola menyentuh berhubung dengan Tambang Haji dari kerajaan. Kaola menyampaikan saranan daripada beberapa pegawai lelaki yang menghidap penyakit yang sentiasa dalam rawatan. Soalan kaola adakah pegawai lelaki ini boleh memohon Tambang Haji kerajaan yang beliau tidak dapat pergi atas sebab sakitnya tersebut dan beliau menyerahkan Tambang Haji tersebut dengan sukarela kepada anak lelaki beliau untuk menemani ibunya menuaikan Fardhu Haji?;
2. Seterusnya kaola menyentuh mengenai program dan aktiviti pentadbiran masjid yang diperuntukkan \$15,460,210.00 berbagai-bagai aktiviti keagamaan telah dilaksanakan dalam mengimarahkan masjid melalui kegiatan Ahli Jawatankuasa Takmir dengan tujuan meramaikan

dan mempertingkatkan kehadiran jemaah terutama untuk menjinakkan belia. Dalam hal ini sudah tentu Ahli Jawatankuasa Takmir memikirkan kesesuaian aktiviti yang boleh menarik minat belia dan beliananis hadir ke masjid.

3. Soalan kaola, selain aktiviti keagamaan adakah kewangan Tabung Masjid atau peruntukan kerajaan boleh digunakan untuk membayai aktiviti sukan seperti membuat gelanggang sepak takraw atau bola tampar bola keranjang agar mereka bersukan di sebelah petang bersama dengan Ahli-Ahli Jawatankuasa Takmir di kawasan berhampiran masjid dan secara tidak langsung dan berhemah memberhentikan permainan apabila waktu solat hampir tiba dan mengajak mereka berjemaah Solat Maghrib dan Isya;

Jika tidak bercanggah dengan hukum agihan zakat, adakah boleh wang zakat ini digunakan untuk mengendali keusahawanan pada penerima bantuan fakir miskin iaitu keusahawanan asnaf secara berfasa dan untuk melaksanakan program ini juga supaya ditubuhkan Unit Keusahawanan Asnaf yang

memfokus khusus kepada keusahawanan fakir miskin.

Misalannya fasa 1 untuk sara diri bagi keperluan harian, keperluan keluarga dan tanggungan persekolahan sehingga menampakkan ada peningkatan untuk masuk fasa ke-2 dan seterusnya sebagai social;

4. Seterusnya ialah mengenai sumbangan pembersihan masjid-masjid dalam mukim oleh pemotong rumput berbangsa asing yang mereka sendiri sebagai pekerja, tetapi bangsa tersebut mengaji lagi orang kampong. Cadangan kaola supaya pemotongan rumput di masjid-masjid dalam mukim perlu diberikan kepada penduduk mukim berkenaan secara langsung dan tidak perlu lagi untuk ditender secara terbuka. Kebijaksanaan tuan imam atau ketua kampung dapat memilih dan dapat memberikannya kepada golongan yang sangat memerlukan bantuan; dan
5. Masalah dan kesukaran acara pengebumian pada waktu malam. Pengalaman ini kaola kongsikan bersama kerana iaitu banyak kali berlaku pada waktu malam dan tidak ada lampu terutama seklai di Tanah Perkuburan Kampung Telisai dan ada ketika menggunakan lampu suluhan lampu kereta kalau tidak ada bantuan daripada Jabatan anggota Bomba dan Penyelamat kerana mempunyai tugas di tempat lain.

Dalam Majlis ini kaola mengambil kesempatan menyampaikan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat di Daerah Tutong kerana telah banyak kali membantu mengatasi masalah ini. Oleh itu, adakah cadangan untuk membekalkan tenaga elektrik secara kad prabayar di bangunan tetap di kawasan kubur berkenaan dengan tujuan untuk memudahkan menyambung bekalan tenaga elektrik dengan menggunakan kabel secara tarif semasa keperluan sahaja.

Segala peralatan lampu dan lain-lain yang berkenaan diamanahkan kepada Badan Takmir Masjid berkenaan atau jika perlu ditubuhkan Biro Pengurusan Fardu Kifayah yang akan mengendalikan penyediaan papan, kain kafan, batu nisan dan lain-lain agar memudahkan ahli waris beruruskan jika berlaku kematian dan ahli waris si mati akan menggantikan semula peralatan yang telah dipakai sama ada dengan wang atau barang. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Berdasarkan Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama menunjukkan ada peningkatan jumlah kutipan zakat iaitu \$20.2 juta bagi tahun 2014/2015. Sudah tentulah bagi 2016 akan bertambah lagi jumlah tersebut daripada jangkaan saya. Dalam Dewan yang mulia ini sukacita saya mengetengahkan penerangan-penerangan tersebut.

Semasa muzakarah dan dialog bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara pada 10 Februari 2016, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerangkan antara peranan dan tanggungjawab kementeriannya ialah memberikan tumpuan kepada isu yang menjadi kritikal dan perlu ditangani dengan segera iaitu Isu Kemiskinan. Yang Berhormat menerangkan, bilangan yang memohon bantuan sama ada bantuan kebajikan bulanan melalui JAPEM mahupun yang menghadapkan permohonan bantuan kumpulan wang zakat yang ditadbir oleh Majlis Ugama Islam semakin meningkat sebanyak hamper 8 peratus dari tahun sebelumnya.

Yang Berhormat seterusnya berkata, perkara ini merupakan satu perkembangan yang membimbangkan dan perlu diatasi melalui usaha yang bersepdu dengan semua *stakeholders*. Kaola juga ingin mengimbas kembali ucapan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada 27 Januari 2016.

Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menerangkan bahawa dalam sistem perekonomian Islam, zakat dan wakaf merupakan salah satu strategi yang berpotensi tinggi dalam mengatasi masalah perekonomian umat.

Antaranya mengatasi masalah kemiskinan tegar, mengurangkan jurang perbezaan hidup yang keterlaluan dan mengurangkan masalah pengangguran dalam masyarakat. Dengan zakat, insya-Allah kita akan mampu meningkatkan kegiatan ekonomi dalam keberkatan.

Di samping itu kita juga akan dapat memberikan jaminan sosial kepada masyarakat khususnya kepada golongan yang amat memerlukan. Demikianlah antara ucapan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama yang kaola petik dari Akhbar Pelita Brunei yang bertarikh 5 Mac 2016.

Berdasarkan kepada maklumat daripada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ucapan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama itu mendorong kaola mengajukan beberapa cadangan untuk menggunakan lebihan wang zakat yang dikutip setiap tahun. Mudah-mudahan tidak bercanggah dengan hukum Islam jika wang zakat ini digunakan kepada perkara-perkara berikut seperti:-

1. Biasiswa Pelajaran. Wang lebihan zakat berkenaan untuk digunakan untuk biasiswa pelajaran dalam kalangan anak-anak dari golongan asnaf yang berhak di negara ini

tanpa menggunakan biasiswa daripada kerajaan. Dengan tawaran ini ia dijangka akan menjadi dorongan dan rebutan bagi golongan yang berhak untuk mendapatkannya. Saya yakin dengan keberkatan zakat ini insya-Allah penerima-penerima berkenaan yang benar-benar berhak dan layak diberi biasiswa pelajaran dalam dan luar negara;

2. Suntikan Modal Keusahawanan. Untuk memberi peluang kepada penerima-penerima yang dikenal pasti mempunyai kebolehan atau minat dalam bidang keusahawanan atau kemahiran untuk mengembangmajukan bakat dan kebolehan yang ada dalam diri mereka untuk menjadi pengusaha yang berjaya seperti membuka perniagaan atau bengkel-bengkel kereta, kedai jahit, anyaman, restoran dan lain-lain lagi yang difikirkan bersesuaian dan berkebolehan untuk mereka ini berusaha menaik taraf kehidupan dan seterusnya belajar untuk berdikari dan keluar dari kepompongan kemiskinan; dan
3. Pembiayaan Rawatan dan Perubatan Dalam dan Luar Negara. Lebihan wang zakat untuk membiayai perbelanjaan bagi pesakit-pesakit

daripada golongan asnaf yang menghidap penyakit berat seperti penyakit jantung, buah pinggang, kanser, strok dan lain-lain penyakit yang memerlukan rawatan-rawatan khusus sama ada dalam dan luar negara tanpa menggunakan wang kerajaan dalam membiayai kos-kos rawatan dan perubatan.

Dari ketiga-tiga cadangan yang kaola nyatakan tadi bukan sahaja memberi kemudahan kepada penerima bahkan ia dapat membantu dalam mengurangkan beban dan kos belanjawan kerajaan. Kaola juga yakin bahawa dengan berkat dan izin Allah Subhanahu Wata'ala dana wang zakat tidak akan berkurang ataupun putus malah insya-Allah ia akan senantiasa bertambah dari semasa ke semasa.

Jadi kita gunakan ia ke arah yang sepatutnya sambil memupuk keazaman bagi warga penerima ini berjaya untuk keluar dari belenggu kemiskinan. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengurus:** Terima kasih Yang Berhormat dan akhirnya sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**A. Ahmad bin Husain:** Terima kasih



Yang Berhormat Pengerusi.  
Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Alhamdulillahi Rabbil'alamin Wassalaatu  
Wassalaamu 'Alaa Sayyidina  
Muhammadin Asyrafil Anbiayi  
Walmursalin Wa'ala Alihi Wasahbihi  
Ajmain.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola mengajukan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah berpanjang lebar dan berat untuk menghadapi penyelesaian bajet yang baharu ini:-

1. Ucapan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama atas siapnya Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah yang telah lama ditunggu-tunggu oleh penuntut-penuntut di sana;
2. Tahniah atas pembinaan sekolah yang baharu di Kampong Lambak, Terunjing, Jalan Bedil kerana sudah lama berpuluhan tahun menunggu baru ada ura-uranya untuk membangunkan sekolah ugama ini. Mudah-mudahan akan lancar pembinaannya;
3. Menyuarkan bahawa Sekolah Ugama Madang masih terbiar dan

terlantar keadaannya diharap supaya pihak yang berkenaan akan dapat melihat-lihat dan membetulkan keadaan tersebut; dan

4. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama akan menghidupkan, menyuburkan kelestarian kenderaan yang terapung di lagun masjid Omar 'Ali Saifuddien. Hal ini sudah lama disuarakan supaya kapal itu diberikan nada baharu dengan bermacam-macam acara agama di samping untuk menghidupkan kawasan bandar yang sunyi. Mudah-mudahan dengan adanya acara agama itu bandar akan menjadi ramai dan tidak lagi sunyi seperti yang ada sekarang. Mudah-mudahan dapat disempurnakan. Bagaimana pun, kaola ada pantun dakwah;

Kalau makan buah gelugur,  
Gelugur dimakan bersirang-sirang,  
Menangis mayat di pintu kubur,  
Kerana tidak mengerjakan  
sembahyang.

Burung selangkir merah matanya,  
Daup-daup dari Damuan,  
Munkar Nangkir datang bertanya,  
Apakah penjawab kepada tuan.

Dengan itu, mudah-mudahan akan dapat difahamkan dan dihuraikan oleh pihak yang berkenaan apakah maksud pantun tersebut. Demikian Yang Berhormat Pengerusi, Assalamualaikum Warahmatullahi **Wabarakatuh**, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Waalaikumsalam, terima kasih Yang Berhormat. Alhamdullillah, 5 orang Ahli Yang Berhormat telah pun menyuarakan pertanyaan-pertanyaan dan juga cadangan-cadangan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk memberikan responsnya.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin. Mengenai pakej haji telah pun dijelaskan pada menjawab soalan daripada rakan Yang Berhormat sendiri dari Daerah Belait Zon 1.

Pakej haji ini memang dialu-alukan. Semalam saya meminta kepada syarikat yang menjalankan pakej haji dan umrah meneroka pakej atau perbelanjaan yang turun daripada \$10,000.00 supaya kembali kepada 4 tahun yang lalu iaitu di bawah \$10,000.00 antara \$7,000.00 ke \$9,000.00 dan sebagainya.

Alhamdulillah saranan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, bagi perkara ini difikirkan demi kepentingan jema'ah haji pada masa akan datang. Kaola cuma akan mengulang sedikit dan menegaskan bahawa penerokaan itu ialah dengan mengambil kira bahawa pakej haji yang ada pada masa ini dilakukan dengan penempatan yang berhampiran dengan Masjidil Haram dan Masjid Nabawi di Madinah. Penempatan agak selesa

juga di Masya'ir iaitu di Arafah dan di Mina, maka harganya sampai membawa kepada harga yang sekarang ini.

Perbandingan yang dibuat oleh sesetengah orang ramai mengenai pakej haji ini didapati lebih mahal kerana pakej haji kita adalah pakej haji prima. Jika dibandingkan dengan pakej hari prima di negeri-negeri jiran, pakej haji kita masih boleh dikatakan tidak melebihi ataupun tidak tinggi sebagaimana yang mereka sangkakan.

Kalau ada penerokaan kepada usaha untuk mendapatkan pakej haji yang bersesuaian dengan pilihan jema'ah untuk tidak masuk kepada pakej yang prima, maka usaha sedemikian itu, dialu-alukan. Dan kaola semalam menyeru supaya diambil inisiatif yang secara sungguh-sungguh oleh syarikat-syarikat yang menjalankan pakej-pakej ini.

Daripada Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Program PROPAZ yang dinilai memang sangat baik dan dimulakan dalam tahun 2007. PROPAZ ini ada dua. PROPAZ bermaksud Program Pengupayaan Asnaf Zakat dan PROPAZ PPB, iaitu Pusat Pembangunan Belia bersikut kepada Pusat Pembangunan Belia.

Alhamdulillah, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dari tahun 2007 telah memberikan laluan untuk programnya itu diikuti oleh Asnaf Zakat. Satu lagi program perintis yang langsung kepada syarikat-syarikat untuk ahli Asnaf

mendapatkan *attachment* pekerjaan di syarikat-syarikat dan sebagainya.

Sekarang ini ada cadangan supaya mereka itu perlu mengikuti Program PROPAZ lebih dahulu sebelum bantuan diberikan. Ertinya kepada pemohon-pemohon yang masih muda belia yang tidak cacat, yang mempunyai tenaga untuk bekerja dan layak untuk bekerja sebelum mendapat agihan zakat. Agihan zakat tergolong dalam orang asnaf fakir dan miskin dikehendaki supaya mereka ini, melalui program PROPAZ lebih dahulu.

Ini satu cadangan yang baik dan boleh juga ditimbangkan dalam usaha kementerian pada masa ini, untuk meluaskan dan mengemasukan lagi skim PROPAZ ini. Pada masa ini Skim PROPAZ PPB di Pusat Pembangunan Belia, dan Pusat Perintis ada kemungkinan diluaskan, misalannya akan dikenal pasti daripada kalangan Asnaf yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ataupun daripada, anak-anak mereka dan lepasan-lepasan sekolah yang tidak mempunyai kelayakan untuk memasuki pengajian di peringkat sijil dan peringkat diploma boleh dimasukkan di bawah skim yang ada dalam kerajaan, dan sebagainya untuk mereka mendapatkan kemahiran.

Cadangan ini boleh dipertimbangkan sama ada dapat disesuaikan dalam usaha memperluaskan Skim PROPAZ ini dan megemaskannya pada masa yang akan datang.

Mengenai beberapa buah masjid. Masjid yang mula-mula sekali disebut bilakah Masjid Tanjung Bunut akan dimulakan tambahannya. Tambahannya tidak dapat dilakukan kerana struktur bangunan lama tidak mengizinkan untuk disambungkan dengan yang baharu. Langkah-langkah untuk mengatasinya pun telah diusahakan dengan reka bentuk sudah selesai. Alhamdulillah dibawa ke Majlis Ugama Islam Brunei dan projek itu asalnya \$1.5 juta naik kepada \$3.6 juta.

Pada masa ini Majlis Ugama Islam Brunei akan menyumbangkan sama ada projek ini diteruskan dengan memikirkan dari mana sumber dananya yang bersesuaian. Kerana memang diketahui kalaupun untuk mendapatkan dana yang sesegera mungkin memang tidak mungkin akan dapat, tapi yang sebaik-baiknya ialah Majlis Ugama Islam Brunei akan dibawa bersama memikirkan perkara ini iaitu dari sumber-sumber yang ada pada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sendiri. Mudah-mudahan apabila itu dapat diperolehi dan diputuskan maka pembinaannya akan dimulakan dan bila ia akan siap bergantung pada kontrak untuk menyiapkannya.

Mengenai masjid-masjid di kawasan Zon 4, saya mengambil maklum bahawa ada rancangan untuk pembaikannya dan ia termasuk dalam senarai untuk menaiktaraf ataupun pembesaran dan sebagainya dan ini juga bergantung pada peruntukan yang mengizinkan.

Kemudian, tambang haji kerajaan, bagi penghidap penyakit yang sentiasa dalam rawatan. Semalam kaola menyebutkan tidak dapat berjanji untuk menimbangkan sokongan kepada Jemaah Penasihat Haji sekiranya ada permohonan menukar tambang haji kepada umrah atau menukar tambang haji kepada apa jua atau tidak naik haji dan digunakan kewangannya.

Kaola tidak berjanji untuk menyokong perkara itu kerana pertama sekali ada peraturan melalui *Surat Keliling* Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2016, pada awal tahun ini berhubung dengan orang yang berhak dan layak menerima Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardhu Haji.

Kelayakan seperti orang yang sakit yang memang tidak ada harapan sembah; orang yang tidak berupaya, dalam erti kata terbatas pergerakannya disebabkan sangat tua atau cacat atau memang tidak dapat melakukan haji disebabkan kesukaran yang keterlaluan ketika dalam kenderaan, sedangkan ia belum menuntut Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardhu Haji, adakah ia berhak mendapat Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardhu Haji?

Surat Keliling itu menetapkan ia berhak menuntut Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardhu Haji dan tambang itu hendaklah dengan melantik atau mengupah orang lain menunaikan haji wajib. Oleh yang demikian, dalam konteks ini, apakah anaknya boleh atau tidak? Maka bolehlah kes ini dibawa ke Jabatan Urusan Haji untuk

meneliti. Jika anaknya itu sememangnya layak sebagai orang yang boleh menunaikan haji bagi pihak orang lain iaitu kelayakan dari segi hukum syarak, pentadbiran seperti termasuk dalam kuota yang terdapat dalam sekitar 400 orang dan sebagainya, maka perkara ini boleh dibawa untuk penelitian Jabatan Urusan Haji.

Aktiviti masjid dengan peruntukan \$15 juta itu mungkin salah, kerana peruntukan \$15 juta itu ialah termasuk bayaran gaji bagi pegawai-pegawai masjid, imam-imam dan sebagainya di samping aktiviti-aktivitinya mengikut pecahannya masing-masing.

Apakah boleh digunakan, wang Tabung Masjid yang terkumpul di masjid-masjid itu untuk membangun tapak-tapak sukan seperti futsal, badminton dan sebagainya di kawasan masjid supaya menarik belia ke masjid?

Perkara ini akan pihak kaola teliti mengikut kesesuaianya dari segi polisi-polisi tertentu dan hukum syaraknya, perkara ini boleh diteliti dari segi begitu sahaja.

Agihan zakat, peruntukan \$1 juta untuk keusahawanan Asnaf fakir miskin. Kalau dikategorikan fakir miskin, memang ia berhak sebagai Asnaf mendapat agihan zakat. Jika ia mempunyai kelayakan atau ada usaha untuk mengembangkan keusahawannya atau baru akan memulakan keusahawanan, ia boleh memohon untuk mendapatkan agihan zakat ini.

Dari segi memulakan keusahawanan ini tertakluk kepada sokongan-sokongan berdasarkan kelayakannya. Kelayakannya dari segi Asnaf memang ada, tetapi apakah ia benar-benar akan masuk dalam keusahawanan, kerana seperti pada masa dahulu, dalam menjalankan perniagaan pengangkutan perahu, maka diberikan agihan wang zakat untuk membeli perahu dan enjin. Memang pada awalnya benar, membeli perahu untuk menjalankan perniagaan menambang tetapi pada akhirnya perahu dan enjin itu dijualnya.

Pengagihan sedemikian itu tidak teliti maka usaha-usaha untuk memastikan segala agihan bagi memulakan keusahawanan itu dan sebagainya dapat dilakukan dengan lebih teliti. Maka dalam hal ini, kaola cuma dapat mengatakan, jika ia memang Asnaf dan mempunyai kelayakan dari segi ia benar-benar dipercayai dapat melakukan keusahawanannya dan ini akan dapat dipastikan apabila, kembali pada saranan salah seorang Ahli Yang Berhormat tadi, ia sudah mengikuti Program PROPAZ di Pusat Pembangunan Belia (PPB) atau Program PROPAZ pada masa yang akan datang. Maka akan dikenal pasti jika sudah nampak ada kemahuan untuk berusaha, insya-Allah ia akan layak diberikan bantuan keusahawanan sebagai Asnaf fakir miskin.

Pemotongan rumput di masjid-masjid didapati dibuat oleh orang asing dan ada didapati mengambil pekerja tempatan di kawasan tersebut. Maka alangkah baiknya perkara ini dari awal-

awal lagi diserahkan kepada orang tempatan di mukim atau daerah itu. Ini memang suatu cadangan yang baik yang sebelum ini dicadangkan dalam Majlis Perundingan Kampung (MPK) atau Majlis Perundingan Mukim (MPM), untuk ikut serta dalam usaha-usaha pembersihan di kawasan masjid di kampung dan mukim mereka. Mengikut Peraturan Kewangan, jika ingin menyertai tender terbuka hendaklah lebih dahulu mendapatkan Lesen Rampaian No. 16 & 17. Pada masa ini, Lesen Rampaian tidak lagi diperlukan tetapi bolehlah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Takmir itu sendiri, jika ia berbangkit dengan peruntukan kerajaan. Jika menggunakan peruntukan Tabung Masjid, bisaitah Jawatankuasa Takmir Masjid yang dipengerusikan oleh Imam itu sendiri untuk mengambil inisiatif sedemikian dan jangan terlalu mengusut atau berharap kepada Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan hal-hal kecil.

Dalam beberapa lawatan ke masjid-masjid, berkesempatan sembahyang Jumaat akhir-akhir ini. Pertanyaan saya ialah adakah Jawatankuasa Takmir bermesyuarat untuk memikirkan perkara-perkara begini? Maksud saya ialah supaya Jawatankuasa Takmir itu lebih merasa bertanggungjawab (*ownership*) terhadap masjidnya dan yang sedemikian tidak perlu membebankan ke jabatan atau kementerian sedangkan mereka ada mempunyai tabung yang secukupnya.

Pembersihan masjid-masjid ini boleh mereka lakukan menggunakan

peruntukan Tabung Masjid asalkan tentu penggunaannya kerana jika menggunakan kewangan Jawatankuasa Takmir ini, juga ada peraturan-peraturannya seperti pengeluaran wang bukan ditentukan oleh imam itu sendiri tetapi mestilah ada persetujuan daripada ahli-ahli jawatankuasa dengan membuat perundingan. Maka saya meminta Jawatankuasa Takmir sentiasa aktif dan proaktif dalam usaha-usaha mentakmirkan masjid dan kawasan-kawasannya.

Kesukaran pengebumian pada waktu malam. Dalam hal ini, terima kasih kepada pihak anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat di Daerah Tutong, Brunei dan Muara dan mana-mana anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat yang berhampiran dengan kawasan perkuburan yang memberikan bantuan-bantuan semasa pengebumian pada waktu malam. Ada dicadangkan supaya diberikan bekalan tenaga elektrik dengan prabayar.

Soalan kaola berbalik kepada Ahli Yang Berhormat tadi. Jika ini adalah satu usaha yang baik, mengapa tidak menggunakan mesin jentera (*generator*) sahaja dari bekalan tenaga elektrik prabayar? Sedangkan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat juga menggunakan mesin jentera (*generator*).

Jika sekiranya masjid-masjid tertentu di kawasan yang **berkenaan** sebagaimana ia mempunyai kereta jenazah hasil daripada wakaf orang-orang yang tertentu sama ada orang

di dalam mukim berkenaan atau bukan dalam mukim berkenaan. Maka boleh juga masjid-masjid berusaha untuk mendapatkan *generator* bagi keperluan seumpama ini.

Nampak kita mempunyai daya usaha boleh dan tidak semata-mata menunggu inisiatif dari atas. Idea yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini sangat baik cuma kaola nyatakan jangan ditunggu meter prabayar disambungkan kabel tetapi boleh diusahakan dengan mendapatkan *generator* dan masjid di kawasan berkenaan sebagaimana masjid itu mempunyai kereta jenazah sendiri.

Seterusnya daripada Yang Berhormat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Penggunaan lebihan wang zakat pada masa ini satu perkara yang menarik.

Kedudukannya begini Yang Berhormat Pengerusi. Wang zakat adalah hak asnaf tertentu. Dalam Al-Qur'an ada 8 asnaf tetapi kita pelaksanaannya kurang daripada 8 fatwa menetapkan yang tidak dapat kita lakukan di Brunei. Kalau yang dinamakan anak-anak yang memerlukan biasiswa umpama dalam kalangan anak Asnaf memang seperti sekarang ini pun mereka diberikan bantuan pelajaran, bantuan wang saku malah kepada Asnaf dalam segi orang mualaf umpamanya yang bukan rakyat belajar di Pusat Pengajian Tinggi di UBD dikenakan bayaran.

Tetapi oleh kerana tidak mampu membayar, mereka tidak dibenarkan meneruskan kursus selanjutnya walaupun mereka telah lulus dan ada yang telah lulus telah dikeluarkan sijilnya dan ijazahnya kerana belum membayar. Jadi hal ini dapat diseleraskan dengan wang zakat Yang Berhormat Pengerusi.

Begitu juga usaha bagi keusahawanan, sebagaimana yang kaola nyatakan lebih awal tadi. Biaya perbelanjaan rawatan perubatan. Ini pun kalau ia Asnaf memang orang yang berhak mendapat agihan zakat yang terdiri daripada orang yang tidak ditanggung oleh kerajaan perbelanjaan perubatannya pada masa ini.

Misalannya Penduduk Tetap. Baru-baru ini dalam akhbar Media Permata disiarkan seorang wanita yang kematian suami di Kuala Belait menanggung kesulitan dalam membayar tunggakan bayaran hospitalnya sebanyak \$19,000.00 lebih dan bayaran tunggakan air sebanyak \$1,000.00 itu. Lalu berdasarkan berita itu Unit Penyiasatan Bahagian Jabatan Hal Ehwal Ugama Daerah Belait setelah disiasat pada petang itu juga dapat dibuat laporan dan pada keesokan harinya pasukan yang sedia ada menyelesaikan hal ehwal pengagihan-pengagihan zakat bagi Asnaf ini yang ada di kementerian yang diketuai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri dapat menyelesaikan kes ini.

Berdasarkan beliau itu Asnaf Zakat dan mempunyai tunggakan hutang dan

dilepaskan daripada hutangnya sebagai Al-Gharimin kepada kerajaan, insya-Allah. Alhamdulillah, perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, kaola mengalu-alukannya dan perkara itu boleh dikaji lebih lanjut lagi di peringkat yang lebih berkelayakan terutama sekali Majlis Ugama Islam Brunei.

Kemudian Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, berpantun juga. Tahniah kaola terima dan ingatannya supaya kaola menyubuk-nyubuk jua mengenai sekolah agama yang dikatakan terbiar juga kaola mengucapkan terima kasih.

Tinggal lagi pantunnya yang tadi ditujukan kepada siapa yang tidak sembahyang itu? Kalau kepada orang ramai usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama memimpin orang supaya bersembahyang sehingga saya nyatakan tadi kalau sembahyang Jumaat di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kawasan-kawasan yang tertentu Zon 1 Daerah Brunei Muara menghadapi kesesakan dalam masjid, ramai sudah orang bersembahyang. Jadi, pantun:-

Kalau makan buah gelugur,  
Gelugur dimakan bersiang-siang,  
Menangis mayat di dalam kubur,  
Kerana tidak mengerjakan  
sembahyang.

Kaola mengucapkan terima kasih setakat yang kaola dapat jawab Yang Berhormat Pengerusi. Mana-mana soalan yang kaola belum dapat

menjawabnya kaola minta tangguh kalau Yang Berhormat Pengerusi dapat memberikan kaola laluan pada waktu yang bersesuaian.

Sebelum Yang Berhormat Pengerusi membuat *conclusion* mengenai perbahasan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini, kaola memohon memperjelaskan lagi jawapan kaola bagi setengah-setengah jawapan kaola pada hari semalam.

Berhubung dengan Zakat Harta syarikat. Alhamdulillah, syarikat-syarikat tampil membayar zakat harta daripada syarikat-syarikat mereka. Kutipan zakat pada tahun lepas sebanyak \$13 juta lebih. Kaola memohon maaf, bukan untuk tahun lepas sebanyak \$13 juta lebih itu adalah kutipan pada tahun 2012. Pada tahun lepas adalah sebanyak \$16.83 juta Yang Berhormat Pengerusi. Jadi dapat diperbetulkan nanti mengenainya.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah bin Haji Sulaiman, menyentuh mengenai Perintah Pendidikan Ugama Wajib bagaimana yang melaksanakannya berkesan berapakah ramai yang tidak bersekolah? Apakah ada pemantauan kehadiran sekolah agama sama seperti yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan? Perintah itu telah diketahui adalah wajib bagi anak-anak untuk bersekolah agama mengikut Bab 3 yang pengenaannya kepada kanak-kanak **yang** beragama Islam lahir pada atau selepas 1 Januari 2016, tinggal di Negara Brunei Darussalam dan ibu-bapanya sekurang-

kurangnya salah seorang daripada mereka adalah warga Negara Brunei Darussalam ataupun Penduduk Tetap. Mereka itu diwajibkan untuk disekolahkan di sekolah-sekolah ugama mengikut pendidikan agama.

Bagaimana pelaksanaannya. Bahawa di bawah Pelaksanaan Akta ini ia dipantau dengan sebaik-baiknya oleh satu jawatankuasa yang dilantik yang bertanggunjawab dalam Pelaksanaan Akta ini. Antaranya membuat pemantauan dan memastikan kanak-kanak yang berumur wajib iaitu berumur 7 tahun untuk mendaftar ke sekolah-sekolah. Pemantauan tentang kehadiran juga akan dipantau dan *benchmark* yang dipakai untuk menetapkan kehadiran itu tidak kurang 85 peratus dalam setahun kehadiran iaitu sama sebagaimana yang dibuat untuk mengira kehadiran murid-murid di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan.

Sejauh ini, Akta itu, boleh dikatakan keseluruhan kanak-kanak yang dalam jaringan umur 7 tahun sudah pun masuk ke sekolah ugama. Ada beberapa kes sahaja yang diketahui iaitu sebanyak 20 kes kanak-kanak yang tidak bersekolah agama, tetapi dengan adanya jawatankuasa ini, jawatankuasa ini telah berunding mengaga, mendatangi ibu-bapa atau penjaga kanak-kanak yang berkenaan. Perkataan "berunding" di sini ialah menyiasat mengapa ia tidak bersekolah. Kalau tidak menyekolah atas sebab-sebab yang tidak munasabah, ia suatu kesalahan. Maka didapati hasil

perundingan alhamdulillah dapat diselesaikan 20 kes itu dan kanak-kanak yang berkenaan itu telah pun memasuki persekolahan dan sekarang ini bersekolah di sekolah agama.

Yang Berhormat Datin Paduka Hjh Salbiah binti Haji Sulaiman, tentang strategi meramaikan jemaah ke masjid dengan membawa penuntut-penuntut yang bersekolah agama yang berdekatan dengan masjid untuk bersembahyang.

Alhamdulillah, melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah berusaha untuk menarik ramai orang ke masjid dengan melalui strategi yang antaranya seperti ini. Ada 2 waktu, iaitu waktu Zuhur dan Asar bagi sekolah-sekolah yang berdekatan iaitu pada masa ini sekolah-sekolah yang berdekatan ialah misalannya Masjid Mohammed Bolkiah, Kampung Serusop dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Mutawakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop, Masjid Kampung Masin dengan Sekolah Ugama Kampung Masin, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dengan Sekolah Ugama Kampung Jerudong, Masjid Kampung Sungai Besar dengan Sekolah Ugama Kampung Sungai Besar, Masjid Kampung Mentiri dengan Sekolah Ugama Kampung Mentiri, Masjid Kampung Batu Marang dengan Sekolah Ugama Kampung Batu Marang. Melalui perancangan yang berikutnya nanti, tapak-tapak masjid baharu di Kampung Perpindahan Rimba terletak berdekatan dalam satu kawasan dengan sekolah

ugama baharu dan Sekolah Arab baharu.

Pembinaan masjid dan sekolah agama di kawasan Rancangan Perpindahan Negara seperti Kampung Mengkubau, Meragang, Tanah Jambu dan Kampung Lugu. Semua ini dengan kerjasama Kementerian Pembangunan dan Jabatan Perumahan telah menyediakan tapak-tapak pembinaan masjid berhampiran dengan pembinaan sekolah-sekolah agama. Setakat ini ada beberapa buah masjid yang berdekatan dengan sekolah dan untuk memastikan murid-murid ini bersembahyang pada waktu Zuhur dan Asar di masjid memang dapat diusahakan.

Satu perkara yang mesti kita ingati, kanak-kanak atau murid-murid sekolah agama, sebahagian daripada kurikulumnya ialah untuk bersembahyang Zuhur dan Asar di sekolahnya. Ia adalah merupakan, sebahagian daripada pengajaran dan tunjuk ajar. Pada masa itulah sebagiannya ada yang diajar untuk berwudhu dan berbagai-bagai. Tidak semua murid akan masuk dalam jaringan untuk dibawa ke masjid. Hanya murid-murid yang sudah memang layak untuk berdikari sendiri menuaikan sembahyang dengan tidak payah tunjuk ajar. Kalau pada masa itu ada tunjuk ajar akan menganggu jamaah lain. Murid-murid yang memerlukan tunjuk ajar masih lagi akan melakukan sembahyangnya di sekolahnya masing-masing, kerana itulah sekolah-sekolah agama memerlukan musalla/surau atau tempat bersembahyang.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking mengenai masjid sesak di Kampung Birau. Perkara ini telah bangkitkan jua semasa perjumpaan/muzakarah kitani di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Semasa surau lama di Kampung Kiudang diroboh dan dibangunkan untuk Masjid Kampung Kiudang, perkiraan pada masa itu yang dirancang untuk 1,000 jemaah bukan sahaja untuk Kampung Kiudang tetapi juga untuk kampung-kampung yang berdekatan Masjid Kampung Birau. Diharapkan kesesakan di Masjid Kampung Birau tidak akan terjadi lagi kalau penduduk-penduduk yang di dalam tadahan Masjid Kampung Birau pada masa dahulu itu apabila Masjid Kampung Kiudang sudah siap, mereka dapatlah bersembahyang berjemaah di Masjid Kampung Kiudang dan ini dapat mengelakkan kesesakan dan sebagainya.

Dari segi perancangan untuk meluaskan masjid-masjid yang sesak seperti ini memang ada bukan sahaja di Kampung Birau tetapi di kawasan-kawasan lain termasuk di Daerah Brunei Muara, di masjid yang sudah dikenal pasti sesak sehingga menuju kepada lorong, tempat berwudhu dijadikan tempat sembahyang pada hari Jumaat, Masjid Kampung Sungai Hanching misalannya, sudah ada masjid Kampung Salambigar yang baharu, ada juga Masjid Kampong Lambak, Masjid di Kampung Tanah Jambu, tetapi masjid-masjid di kawasan yang berkenaan itu sentiasa sesak yang mengizinkan untuk jemaah-jemaah dan Masjid Kampung Sungai Hanching

berpindah ataupun bersembahyang di masjid yang lain itu, kerana semuanya sesak.

Dalam hal ini prioriti, antara Kampung Birau dengan Kampung Sungai Hanching. Dalam melaksanakan pembesaran masjid melihat kepada prioriti. Prioritinya itu ialah Kampung Birau masih ada alternatif bagi jemaah-jemaah untuk bersembahyang di masjid lain iaitu Masjid Kampung Kiudang.

Tetapi Masjid Kampung Sungai Hanching tidak lagi ada alternatif bagi ke masjid-masjid sekitarnya kerana masjid di sekitarnya itu sudah penuh, maka prioritinya dalam 2 perkara ini sebagai misalannya antara Kampung Birau dan Kampung Sungai Hanching, kalau ada pelaksanaan, maka pelaksanaan yang akan dimulakan ialah Kampung Sungai Hanching.

Soalan daripada Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman berkenaan pensijilan.

TPOR 45 hari adalah standard dan bersesuaian dengan mana-mana badan pengiktirafan luar negara. Pada masa ini, jangan dikatakan **banyak** orang menunggu untuk diluluskan. Perangkaan yang ada ialah 98% pemohon yang dahulu menunggu sudah dapat diselesaikan mengikut TPOR yang tersebut itu. Malah kalau permohonan itu bukan permohonan baharu ataupun membaharunya, ia boleh dengan kerjasama pemohon-pemohon bagi urusan lantikan

penyelianya mudah, bahan-bahannya dikenal pasti halal dan sebagainya.

Segala perkara lain dari segi pentadbiran selesai, borangnya lengkap dan sebagainya, 45 hari itu boleh turun kepada 28 hari. Mengapa masih lagi 28 hari? Restoran bukan sahaja yang akan dilihat bahan-bahannya, tergantung lagi tempatnya, kesesuaianya, tempat-tempat itu betulkah memang halal atau bersih, ataupun keperluannya memasak halal dan bersih dan sebagainya maka *standard* itulah yang kita pakai.

Kaola beralih kepada soalan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin mengenai kemerosotan pencapaian PSR Sekolah Arab dari tahun sebelumnya ini sebanyak 97.10% kepada 91% penurunan sekitar 6%, apakah sebab-sebabnya. Alhamdulillah sebab-sebab itu tidak ada kaitannya dengan soalan apakah disebabkan pengambilan jumlah pelajar yang memasuki sekolah, atau apakah guru-guru yang tidak seimbang, atau adakah semua pengambilan pelajar memasuki Sekolah Persediaan Arab melalui peperiksaan kemasukan.

Berdasarkan keputusan peperiksaan penilaian PSR itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Jabatan Pengajian Islam telah membuat kajian, mengapa kemerosotan penurunan peratus dalam pencapaian gred A hingga C sebanyak 6% iaitu kira-kira 6% bukan sepatutnya 5.47%. Penurunan sejumlah peratus sedemikian iaitu gred A dan C disebabkan oleh pertambahan

peratus pada gred D iaitu 7.93% dan pertambahan pada gred E iaitu 0.44% bagi mata pelajaran Matematik. Penambahannya mengakibatkan ia menurun.

Yang kedua, penurunan peratus bagi mata pelajaran Matematik adalah faktor utama yang menyumbang kepada penurunan purata gred A hingga C. Walau bagaimanapun, dari segi kualiti jumlah peratus pelajar yang mendapat 5 'A' bagi tahun 2015 seramai 128 orang iaitu 18.8% meningkat sebanyak 1.41% berbanding dengan tahun 2014 iaitu cuma seramai 96 orang.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat, berapa lama lagi?

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:** Tidak sampai 5 minit Yang Berhormat Pengerusi. Kaola minta laluan Yang Berhormat Pengerusi. Semua usaha untuk mengongsikan teknik-teknik pengajaran yang ada semua dilakukan dengan mengadakan kelas-kelas tambahan di luar waktu persekolahan, mengendalikan bengkel-bengkel untuk guru-guru mata pelajaran PSR yang tertentu. Semua usaha ini pada keseluruhannya, alhamdulillah akan dilakukan dan sasaran untuk meningkatkan peratus kelulusan PSR di Sekolah Arab insya-Allah mudah-mudahan akan ditaufikkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian kaola mengucapkan terima kasih atas kemurahan hati Yang Berhormat Pengerusi memberikan kaola laluan dan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat

sekaliannya atas kesabaran menunggu sehingga kepada melimpasi waktu. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada baiknya mesyuarat di peringkat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di peringkat Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa  
ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang  
semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara. Saya bercadang untuk menangguhkan Mesyuarat ini bagi membolehkan kita berehat sebelah tengah hari dan insya-Allah kita akan bersidang semula pada sebelah tengah hari nanti pukul 2.30 petang. Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**